

Negeri sedia lima  
tapak sekolah baharu

2

3.46 juta terima  
bantuan Aidilfitri

17

RM65 juta untuk  
inisiatif kesihatan

8

RM4 juta naik taraf  
kampung baharu

2

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 13 - 19 APRIL 2023

www.selangorkini.my

## Jualan murah enam hari mulai 15 April

Berlangsung di 23 lokasi seluruh negeri, termasuk program besar-besaran pada dua hari pertama, Jualan Mega Ehsan Aidilfitri memanfaatkan 50,000 penduduk. Pelbagai barang keperluan harian diberi subsidi harga sebanyak 30 peratus

MUKA 8

### Peruntukan tambahan untuk PPR

Dana RM35 juta disediakan bagi mengatasi masalah 12 perumahan yang tenat di Selangor dan Kuala Lumpur. Projek baik pulih dibuat secara tender terhadap bagi mempercepat proses pembaikan itu

MUKA 18



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada asnaf di Masjid Al-Khairiyah, Gombak pada 9 April 2023. Foto NAZIR KHAIRI ► BERITA MUKA 5

## pancawarna

### Pusat zakat kurangkan kerenah birokrasi

2,000 amil LZS gigih cari, bantu asnaf

9



### Peluang beli-belah menjelang Aidilfitri

Banyak pesta jualan, 72 jam tanpa henti

11



### Pengalaman rohani suluh ilmu tasawuf

Penulisnya Martin Lings rakam perjalanan sufi

15



## Potensi kembang sektor pendidikan

**KLANG** - Kerajaan Selangor berazam bagi memastikan sektor pendidikan di negeri ini terus berkembang.

Dato' Menteri Besar berkata pengurusan Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor diserahkan kepada Yayasan Selangor sepenuhnya berikutan pertubuhan itu berpotensi menjayakannya.

"Saya berharap Yayasan Selangor menjadi institusi pendidikan penting dalam negara dan Selangor. Pelaksanaan jawatankuasa pendidikan negeri dilaksanakan oleh yayasan kerana potensi besar pertubuhan ini mengembangkan sektor pendidikan.

"Ia terbukti dengan adanya pelajar-pelajar di sini setelah Yayasan Selangor ditubuhkan selama 50 tahun biarpun pelbagai cabaran pendidikan pada masa kini seperti perintah kawalan pergerakan dan perubahan silibus," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

## Sedia lima tapak bina sekolah baharu

**SHAH ALAM** - Sekurang-kurangnya lima tapak disediakan bagi pembinaan sekolah baharu untuk menampung kepadatan penduduk yang kian meningkat terutama di Shah Alam.

Dato' Menteri Besar berkata tumpuan turut diberi di kawasan penduduk melebihi 50,000 orang seperti Kota Kemuning, Klang, Ukay Perdana, Bukit Antarabangsa dan Hulu Langat.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pihaknya menunggu keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang kini menumpukan untuk memperbaiki sekolah daif.

"Kita sedia maklum KPM kini sedang menumpukan untuk memperbaiki banyak sekolah daif, yang meletakkan perkara itu sebagai urusan utama dalam Belanjawan 2023.

"Namun, saya sebelum ini telah berjumpa dengan pihak KPM memaklumkan bahawa Selangor perlu lebih banyak sekolah," katanya pada 4 April.

# Terima lebih RM6 juta zakat

**KUALA SELANGOR** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan menerima zakat perniagaan lebih RM6.177 juta daripada empat syarikat termasuk agensi Kerajaan Negeri.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menerima zakat kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) itu daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor berjumlah RM2.6 juta dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (RM1.5 juta).

Turut menyempurnakan bayaran zakat bagi 2022 ialah syarikat tekstil terkemuka Jakel Trading Sdn Bhd (RM1.05 juta) dan Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (RM1 juta).

Baginda menerima zakat itu sempena majlis perasmian Masjid Taman Alam Jaya di sini yang disempurnakannya pada 8 April.

Sultan Sharafuddin turut berkenan mengagih sumbangan berjumlah RM272,000 kepada 544 penerima terdiri daripada fakir, miskin dan mualaf.

Terdahulu, Baginda diiringi Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah turut berkenan membuka puasa dan menunaikan solat Maghrib, Isyak serta sunat Tarawih bersama penduduk.

Hadir sama, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Mufti Selangor Dato' Setia Prof Madya Dr Anhar Opir dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Dato' Mohd Shahzihan Ahmad.

## Lulus projek pertama IDRIS

# Taman industri rancak ekonomi

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SEPANG** - Pembangunan Taman Industri Pintar NCT (NSIP) menjadi projek pertama diluluskan bawah Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia titik permulaan NCT Group of Companies (Kumpulan NCT) dan Kerajaan Negeri bagi membangunkan ekonomi di selatan negeri.

"Ini membuktikan ia bukan sekadar impian tetapi realiti apabila majlis pecah tanah bermula," katanya selepas majlis pecah tanah di Pusat Konvensyen Mo-

venpick di sini pada 7 April.

Pembangunan lebih 296.4 hektar yang dimajukan Kumpulan NCT itu bakal menampilkan kemajuan infrastruktur, penggunaan kecerdasan buatan dan teknologi moden.

Taman industri tersebut sebahagian daripada sepuluh projek di Sepang dan Kuala Langat, yang terkandung dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) seperti diumumkan Julai tahun lalu.

Pengarah Urusan NCT Group Datuk Seri Yap Ngan Choy pula menjangka projek meliputi tiga fasa siap dalam tempoh 10 tahun dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM10 bilion.

"Ini projek ke arah masa depan dan kita yakin dapat bekerjasama dengan pelabur berpotensi antaranya dari Amerika Syarikat, Korea Selatan, China, Taiwan dan Australia," katanya.

NSIP yang menumpukan sektor semikonduktor, elektronik dan elektrik serta farmaseutikal bakal dilengkapi 101 unit kilang berkembar dan 27 plot perindustrian dalam fasa pertama.

Taman industri itu bertindak sebagai pusat sehenti untuk memberi perkhidmatan kepada pihak berkepentingan seperti Invest Selangor dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida).

# RM500,000 selenggara jalan

**SHAH ALAM** - Sebanyak 10 syarikat kontraktor kelas G1 menerima tender selenggara jalan Jabatan Kerja Raya sekitar Gombak melibatkan projek bernilai RM500,000.

EXCO infrastruktur berkata syarikat bertanggungjawab melaksanakan kerja tampalan, membaiki, membuat garisan, membersihkan laluan serta memangkas pokok di bahu jalan.

"Projek ini mendapat perhatian 144

kontraktor, namun kita hanya pilih 10 syarikat secara undian. Mereka yang terpilih perlu mengendalikan projek yang setiap satu bernilai RM50,000.

"Kerja selenggara ini perlu disiapkan dalam tempoh tiga bulan. Kita harap kontraktor terpilih dapat melaksanakan tugas sebaiknya," kata Ir Izham Hashim pada 6 April.

Beliau berkata proses undian dipantau wakil pusat perkhidmatan kontraktor dan

persatuan kontraktor bumiputera bagi memastikan kelancarannya.

Sebelum ini, Ir Izham memaklumkan kerja penurapan jalan besar-besaran di seluruh negeri dilaksanakan penghujung bulan ini demi keselesaan pengguna.

Menurutnya, projek dengan kos RM50 juta menerusi Belanjawan Selangor 2023 membabitkan semua jalan bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan.

# RM4 juta naik taraf kampung baharu

**SUBANG JAYA** - Peruntukan RM4 juta disediakan bagi program pembangunan dan menaik taraf prasarana semua 77 kampung baharu pada tahun ini.

EXCO Pembangunan Kampung Baharu Ng Sze Han menjelaskan dana RM1.5 juta diluluskan untuk menurap jalan dan menaik taraf

parit serta saliran setakat Mac.

"Selain itu, projek membaiki pulih gelanggang bola keranjang dan beberapa lagi untuk program pembangunan masyarakat di kampung baharu," katanya.

Dalam program Fiesta Selangor New Village-ING di sini pada 7 April, beliau berkata kampung baharu adalah

manifestasi produk sejarah unik melibatkan penduduk pelbagai etnik Cina hidup harmoni.

"Tiada tempat lain di dunia ini anda boleh jumpa 'produk' (kampung) seperti ini yang mempunyai keunikan dan tarikan tersendiri," katanya.

Dana RM4 juta bagi pembangunan dan program kampung baharu itu lebih tinggi berbanding peruntukan pada tahun lalu iaitu RM3.6 juta.



**IMBAS DI SINI**  
akhbar digital minggu lepas

11,000 isi rumah dapat Bakul R  
Bantuan Aidilfitri sebulan gaji  
RM4 juta untuk kampung baharu

# Tahniah

NCT Group of Companies  
bersempena dengan Majlis Pecah Tanah




FORWARD • REVOLUTION • SUSTAINABILITY

Dirasmikan oleh


**YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari**  
**Dato' Menteri Besar Selangor**

7 April 2023



NCT LAND SDN BHD 200401005146(643649-U)

## THE GATEWAY TO GLOBAL



**NCT GROUP**  
200401005146(643649-U)

Ikhtis dari pada :



**BAHARUDDIN ALI & LOW SDN BHD**

JURUKUR-JURUKUR BAHAN BERKANUN & EKONOMIS PEMBINAAN  
CHARTERED QUANTITY SURVEYORS & CONSTRUCTION COST CONSULTANTS  
(R.O.C. No. 63558-U) (LJBM No. 1993/FC0010)



**JS LING, DIYANA & SINGH** ADVOCATES & SOLICITORS



## INSAN

SKIM INSURANS AM SELANGOR

### SELANGOR MELINDUNGI ANDA DAN KELUARGA

#### SKIM INSURANS PERCUMA



- PERLINDUNGAN INSURANS AM BERKUMPULAN KEPADA **6 JUTA RAKYAT SELANGOR**
- DITAWARKAN KEPADA INDIVIDU BERUMUR BERMULA DARI **30 HARI SEHINGGA 80 TAHUN**
- PERLINDUNGAN INSURANS SEHINGGA **RM10,000** UNTUK HILANG KEUPAYAAN KEKAL DAN KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN

PENDAFTARAN BERMULA PADA **1 OKTOBER 2022** SEHINGGA **30 SEPTEMBER 2023**

TEMPOH INSURANS SELAMA **12 BULAN** DARI TARIKH POLISI DIKELUARKAN

PENDAFTARAN MELALUI APLIKASI **WAVPAY E-WALLET**

\*TERTAKLUK KEPADA TERMA & SYARAT






### ADAKAH ANDA LAYAK UNTUK MENDAFTAR?



**ANDA LAYAK JIKA**  
NOMBOR KAD PENGENALAN ANDA DIDAFTARKAN DI NEGERI SELANGOR



**ATAU**  
ALAMAT TERKINI ANDA DIDAFTARKAN DI DALAM NEGERI SELANGOR



**ATAU**  
ANDA ADALAH PENGUNDI UNTUK NEGERI SELANGOR

### BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?

**1**



MUAT TURUN, PASANG DAN DAFTAR AKAUN APLIKASI WAVPAY E-WALLET

Download on the App Store | GET IT ON Google Play

**2**



KLIK PADA BANNER PROGRAM

**3**



LENGKAPKAN MAKLUMAT SEHINGGA PROSES SELESAI

**Khidmat Pelanggan**

Talian 1 +60162504199  
Talian 2 +60164354199  
Talian 3 +60164474199  
Talian 4 +60162534199  
Talian 5 +60162514199

E-mel: [Insanbantuan@wavpay.net](mailto:Insanbantuan@wavpay.net)  
Info lanjut, sila layari [www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)

 [www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)  
 [Wavpay System](#)  
 [@wavpay](#)

Imbas untuk muat turun aplikasi



## Daftar skim insurans perlindungan RM10,000

**SHAH ALAM** - Penduduk di negeri ini dipelawa mendaftar Skim Insurans Am Selangor (INSAN) yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 mulai 1 Oktober tahun lalu.

Perlindungan insurans berkumpulan yang dilaksanakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ditawarkan kepada individu berusia 30 hari hingga 80 tahun.

Pemegang nombor kad pengenalan negeri ini atau pengundi Selangor layak mendaftar inisiatif berkenaan.

Pendaftaran dibuka sehingga 30 September 2023. Maklumat lanjut layari laman sesawang [www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)

Berikut langkah-langkah mendaftar INSAN:

- Muat turun aplikasi e-dompet Wavpay App Store atau Google Play
- Daftar sebagai pengguna Wavpay, isi butiran peribadi termasuk gambar depan dan belakang MyKad
- Selepas berjaya daftar, klik pada imej program INSAN
- Lengkapkan maklumat hingga selesai
- Pemohon berjaya boleh akses e-sijil insurans

## Teliti punca enggan ke klinik

# Tawar rawatan lanjut percuma

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**KLANG** - Sebahagian peserta Selangor Saring yang disahkan ada penyakit dikesan tidak hadir untuk menerima rawatan susulan percuma.

EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud berkata pihaknya sedang meneliti punca mereka enggan hadir ke Klinik Selcare selepas menjalani pemeriksaan kesihatan percuma itu.

"Individu yang menjalani saringan konsisten dan ada yang keputusannya kolesterol tinggi. Semua dapat kesan awal tetapi bila dimaklumkan per-

lu jumpa doktor, mereka tidak hadir.

"Kadar yang mengambil peluang untuk berjumpa doktor kurang. Susulan itu, kita buat kajian mengapa mereka tidak hadir sama ada jarak klinik jauh atau ada sebab lain," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan sambutan Hari Kesedaran Autisme peringkat negeri di Hospital Pakar KPJ, Klang pada 2 April. Turut hadir, Pengurus Besar Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) Gan Pei Nei.

Tahun lalu, Kerajaan Negeri memperkenalkan program Selangor Saring dari Mei hingga September melibatkan peruntukan RM3.4 juta bagi membantu penduduk mengesan

penyakit lebih awal.

Program itu memanfaatkan lebih 45,000 peserta yang ada sejarah perubahan keluarga, obesiti dan gaya hidup tidak sihat dan seramai 4,809 daripada mereka disaran mendapat rawatan lanjut.

Saringan berkenaan turut menawarkan ujian darah dan air kencing, mata, barah pangkal rahim dan payudara, ujian darah najis okulta atau kolorektal serta prostat.

Pada tahun ini, Selangor Saring diteruskan di setiap penganjuran Jelajah Kita Selangor Penyayang. Beberapa pemeriksaan turut ditambah antaranya gigi, telinga dan fisioterapi.

WAKTU SOLAT	13 - 19 APRIL 2023 22 - 28 RAMADAN 1444	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
13 Khamis	5:50	6:00	7:07	1:17	4:26	7:21	8:31	5:51	6:01	7:08	1:17	4:27	7:21	8:31	5:52	6:02	7:09	1:19	4:28	7:24	8:34	
14 Jumaat	5:50	6:00	7:07	1:16	4:26	7:21	8:31	5:51	6:01	7:08	1:17	4:28	7:21	8:31	5:52	6:02	7:08	1:19	4:28	7:24	8:34	
15 Sabtu	5:49	5:59	7:07	1:16	4:27	7:21	8:31	5:50	6:00	7:08	1:17	4:28	7:21	8:31	5:51	6:01	7:08	1:19	4:29	7:23	8:33	
16 Ahad	5:49	5:59	7:06	1:16	4:27	7:21	8:31	5:50	6:00	7:07	1:17	4:28	7:21	8:31	5:51	6:01	7:08	1:18	4:29	7:23	8:33	
17 Isnin	5:48	5:58	7:06	1:16	4:27	7:21	8:31	5:50	6:00	7:07	1:16	4:28	7:21	8:31	5:51	6:01	7:07	1:18	4:29	7:23	8:33	
18 Selasa	5:48	5:58	7:06	1:15	4:28	7:21	8:31	5:49	5:59	7:07	1:16	4:29	7:21	8:31	5:50	6:00	7:07	1:18	4:30	7:23	8:33	
19 Rabu	5:48	5:58	7:05	1:15	4:28	7:21	8:31	5:49	5:59	7:06	1:16	4:29	7:21	8:31	5:50	6:00	7:07	1:18	4:30	7:23	8:33	

Waktu terbuka



**CERIA...** Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada asnaf sempena perasmian masjid dan majlis berbuka puasa di Masjid At-Taqwa, Hulu Langat pada 6 April. Foto FIKRI YUSOF

## RM700,000 bantu B40 di Gombak

**GOMBAK** - Menteri Besar Selangor (Permerbadanan) atau MBI memperuntuk sejumlah RM700,000 khusus untuk membantu golongan berpendapatan rendah (B40) di Parlimen Gombak.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sumbangan tersebut memanfaatkan 1,500 penerima termasuk warga emas.

"Bantuan Aidilfitri ini diagih MBI menggunakan dana peruntukan zakat wakalah untuk disalurkan kepada mereka yang berkelompok dan memerlukan.

"Saya berharap bantuan wang tunai beserta beras ini dapat digunakan sebaiknya dan dapat membantu meringankan beban untuk membeli keperluan Aidilfitri," katanya.

Terdahulu, beliau menyampaikan sumbangan Aidilfitri itu bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia di Dewan Beringin Taman Seri Gombak pada 9 April.

Sumbangan sama turut diterima penduduk DUN Hulu Kelang di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) AU2.

Sebelum ini, MBI turut menyerahkan bantuan Ihya' Ramadan kepada 97 masjid dan surau di Gombak.

## Bantu rumah kebajikan Ar Rahmaniah

# Sumbang RM3,500 baju raya

Oleh **AZIAN AZIZ**

**HULU SELANGOR** - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor mencemar duli menyertai program Ziarah Ramadan di rumah anak yatim dan asnaf Pertubuhan Kebajikan Ar Rahmaniah di sini pada 4 April.

Tengku Amir Shah menyampaikan sumbangan wang tunai RM3,500 kepada rumah anak yatim berkenaan dan baju raya sumbangan Starvilion kepada 40 penghuninya.

Baginda turut menyampaikan sumbangan RM400 dan kotak makanan bernilai RM100 daripada Worldwide Holdings kepada empat keluarga asnaf terpilih.

Turut disampaikan Baginda, 10 kerusi roda sumbangan Worldwide bernilai RM7,000 kepada Persatuan Bekas Polis Negeri Selangor.

Terdahulu, Baginda meluangkan masa kira-kira setengah jam melawat rumah anak yatim dan membantu memasang dua almari untuk kegunaan asrama.

Sementara itu, Pengasas Pertubuhan Kebajikan Ar Rahmaniah Asmad Nordin terharu atas kesudian Tengku Amir Shah mencemar duli menyantuni anak yatim di sini.

"Menjunjung kasih kepada Tengku Amir Shah kerana mencemar duli menzirahi serta sudi memasang almari untuk kegunaan anak-anak di sini.

"Terima kasih juga Worldwide serta Starvilion yang menyumbang kepada kami," katanya.

Rumah anak yatim dan asnaf Pertubuhan Kebajikan Ar Rahmaniah ditubuhkan pada 2011 serta mempunyai 40 penghuni termasuk 25 perempuan berusia lima hingga 17 tahun.

Selain itu, Tengku Amir Shah turut berkenan menyampaikan sumbangan kepada anak yatim sekitar Hulu Langat di Masjid Jamek Bandar Kajang pada 8 April.

Pada majlis itu, seramai 556 daripada 1,530 jumlah keseluruhan anak yatim di daerah berkenaan menerima sumbangan Aidilfitri Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) berjumlah RM150 setiap seorang.

Pengerusi Yide Tan Sri Mazlan Mansor berkata sumbangan berkenan membolehkan peruntukan keseluruhan RM229,500.

"Setiap seorang menerima sumbangan berjumlah RM150, sumbangan kepada baki penerima yang lain akan dikreditkan secara atas talian," katanya.

Pada majlis sama Tengku Amir Shah juga berkenan menyaksikan pemeteraian perjanjian kerjasama antara Yide bersama KDEB Waste Management.



# TRIO

## Kemudahan Ala Resort Di Kediaman Anda

Progress Terkini



Gambaran Sebenar

Unit Bumiputera yang terhad	7% Diskaun untuk Bumiputera	Tanpa Kos Guaman SPA & Pinjaman dan Banyak Lagi Pakej Menarik!	200m ke Stesen LRT3
-----------------------------	-----------------------------	--	---------------------

Stay Together. Stay Setia  
livelearnworkplay

Hubungi +603 3162 3322  
[www.trioysetia.com.my](http://www.trioysetia.com.my)  
TRIO SALES GALLERY  
15-C, Jalan Remia 2/KS6, Bandar Botanik,  
41200 Klang, Selangor, Malaysia.  
E: Trio\_Sales@trioysetia.com.my

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

# Tahniah

NCT Group of Companies  
bersempena dengan Majlis Pecah Tanah

## NCT SMART INDUSTRIAL PARK

FORWARD • REVOLUTION • SUSTAINABILITY

Dirasmikan oleh

### YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari Dato' Menteri Besar Selangor

7 April 2023



NCT LAND SDN BHD 200401005146(643649-U)

### THE GATEWAY TO GLOBAL



**NCT GROUP**  
200401005146(643649-U)

Ikhlas daripada :



# Tahniah

NCT Group of Companies  
bersempena dengan Majlis Pecah Tanah




FORWARD • REVOLUTION • SUSTAINABILITY

Dirasmikan oleh


**YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari**  
**Dato' Menteri Besar Selangor**

7 April 2023



NCT LAND SDN BHD 200401005146(643649-U)

THE GATEWAY TO GLOBAL



**NCT GROUP**  
200401005146(643649-U)

Ikhlās daripada :



**KAMAL FAKHRI PLANNING SERVICES**

## MBI infak bubur lambuk

**SUBANG JAYA** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyumbang 500 bungkus kurma kepada Pusat Perubatan Ara Damansara (ADMC) bagi menjayakan program infak bubur lambuk.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporatnya berkata kakitangan anak syarikat Kerajaan Negeri itu juga membantu hospital berkenaan mengedar bubur lambuk sekitar Shah Alam.

"Ini kerjasama pertama MBI dengan hospital swasta. Selalunya kita berkerjasama dengan agensi seperti Lembaga Zakat Selangor, Yayasan Islam Darul Ehsan untuk program seumpama ini.

"Kita harap kerjasama ini akan berterusan pada masa depan sekali gus memberi manfaat kepada lebih ramai pihak. MBI juga sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk sebarang program kebajikan," kata Ahmad Azri Zainal Nor pada 5 April.

## RM40,000 untuk asnaf, anak yatim

**HULU SELANGOR** - Sebanyak RM40,000 disumbang Worldwide Holdings Berhad (Worldwide Holdings) bagi menjayakan program Ziarah Kasih Ramadan di rumah anak yatim dan asnaf Pertubuhan Kebajikan Ar Rahmaniah di sini pada 4 April.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datin Paduka Norazlina Zakaria berkata bantuan berkenaan sebahagian daripada RM200,000 yang disumbang kepada Yayasan Raja Muda Selangor untuk tahun ini.

"Worldwide Holdings bekerjasama dengan Yayasan Raja Muda Selangor sejak 17 tahun lalu bagi menjalankan program tanggungjawab sosial korporat.

"Wang tersebut merupakan agihan zakat Worldwide Holdings untuk membantu golongan yang memerlukan," katanya.

## Anjur jualan murah raya 20 April

**GOMBAK** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua akan menganjur program Mantai Perdana untuk penduduk membeli barangan asas pada harga murah sebagai persiapan raya.

Pengurus pusat khidmat rakyat berkata program di Dataran Niaga Siantan, Selayang Mutiara pada 20 April menawarkan produk seperti ayam, daging, telur, sayur, beras dan barangan kering.

"Kita akan mendapatkan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

"Selain itu, kita mungkin beri peluang kepada peniaga yang ingin menjual kuih-muih dan baju," kata Maimon Misman.

## Edisi khas sempena Syawal

**SHAH ALAM** - Drama berjudul Selalu Ada yang membawa tema kekeluargaan bakal menemui penonton melalui saluran RTM pada Syawal ini.

Edisi 20-26 April memaparkan sorotan daripada kaca mata para pelakon termasuk Erra Fazira mengenai proses penggambaran dan watak-watak yang dipegang mereka dalam karya 45 minit itu.

Turut dibintangi Sophia Albarabah, Syafie Naswip dan Zarul Iman, drama arahan Che Mie mengisahkan tiga sahabat karib yang membawa haluan masing-masing selepas tamat sekolah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari juga membuat penampilan khas dalam drama terbitan Kerajaan Selangor yang mengetengah sebahagian inisiatif negeri

kepada rakyat.

Pancarawarna juga berkongsi penjelasan mufti negeri berkaitan kaedah menentukan tanggal 1 Syawal menerusi proses rukyah hilal atau



melihat anak bulan selain hitungan ahli falak.

Dato' Setia Prof Madya Dr Anhar Opir menerangkan proses mengikut nas al-Quran dan hadis itu lantaran ramai meneka-neka tarikh kerana bimbang situasi raya mengejut tahun lalu berulang.

Sisipan juga memuatkan lokasi menarik percutian raya untuk bergambar, atau istilah popular OOTD, dipaparkan antaranya Istana Jugra, Kuala Langat dan Kampung Pelangi, Kuala Selangor.

Turut dimuatkan, ucapan selamat hari raya Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan pimpinan negeri termasuk wakil rakyat.

Pelbagai foto ragam orang ramai untuk membuat persiapan bagi menyambut Aidilfitri juga dikongsi.

## 23 lokasi mulai 15 April

# Rebut peluang ke jualan Aidilfitri

Oleh **SHEEDA FATHIL & SHAMZ JOHAN**

**PETALING JAYA** - Program jualan murah yang menyediakan lebih banyak barangan keperluan harian termasuk 36,700 ayam diadakan selama enam hari mulai 15 April.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim menjelaskan sebanyak 23 lokasi ditetapkan di seluruh negeri termasuk jualan besar-besaran pada 15 dan 16 April.

Katanya, Jualan Mega Ehsan Aidilfitri dibuat serentak di perkarangan Stadium Sungai Besar, Dataran Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat dan tapak bazar Ramadan Batang Kali, Hulu Selangor pada 15 April.



Menjelaskan lokasi lain akan diumumkan PKPS, beliau berkata program sama diteruskan di Padang Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Pasar Muhibbah Setia Alam dan Sungai Tua pada keesokannya.

"Jualan ini memanfaatkan lebih 50,000 orang. Jualan keseluruhan dianggarkan RM1.5 juta dengan 30 peratus nilai subsidi Kerajaan Negeri," katanya ketika melancarkan program itu pada 9 April.

Ir Izham berkata jualan tersebut juga menawarkan kuantiti barangan lebih banyak termasuk lebih 36,000 ekor ayam berbanding penganjuran Jelajah Ehsan Rakyat (JER) pada hari biasa.

Beliau menambah waktu jualan antara mulai jam 9 pagi hingga 8 malam,

lebih lama berbanding program JER bagi memberi ruang kepada penduduk mendapat keperluan menjelang raya.

Katanya, sebanyak 11 daripada program jualan berkenaan dikendalikan Fama Selangor manakala Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan KoHijrah (enam lokasi).

"Program ini bagi meringankan beban rakyat terutama bagi golongan berpendapatan rendah (B40) dalam menyediakan kelengkapan menu hari raya," katanya.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal (RM10/pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6/pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).

Turut dijual, barangan kering keluaran jenama Ehsan PKPS seperti tepung gandum, gula, sos, kicap dan sardin tin.

## RM65 juta untuk inisiatif kesihatan

**SHAH ALAM** - Kesihatan mental dan penuaan sihat bagi warga emas antara enam fokus inisiatif kesihatan awam Selangor tahun ini, kata EXCO kesihatan awam.

Dr Siti Mariah Mahmud berkata dasar kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat antara teras tumpuan dengan peruntukan RM65.6 juta.

"Aspek lain termasuk penyakit tidak berjangkit (jantung, darah tinggi, ken-

cing manis, buah pinggang) serta penyakit berjangkit (denggi dan tibi).

"Selain itu, barah (payudara dan pangkal rahim bagi wanita manakala barah prostat dan usus bagi lelaki) serta nutrisi kanak-kanak," katanya sempena sambutan Hari Kesihatan Sedunia pada 7 April.

Dr Siti Mariah berkata kesemua inisiatif ini tidak termasuk pelbagai inisiatif lain seperti bantuan kewangan kesihatan ke-

pada orang awam dan penjawat awam.

"Ia bagi memastikan penjagaan kesihatan yang baik dapat diakses oleh semua rakyat Selangor tanpa mengira latar belakang," katanya.

Katanya, sambutan Hari Kesihatan yang dirai setiap tahun merupakan antara usaha memberi kesedaran kepada masyarakat dunia tentang isu kesihatan yang memberi kesan kepada kehidupan manusia.





Gambar: Insan Facebook Lembaga Zakat Selangor

## Elak birokrasi, segera cari asnaf

Oleh NADIAH ZAMLUS

**C**ari asnaf di setiap pelusuk negeri. Itu misi Lembaga Zakat Selangor (LZS) saban tahun. Tidak mahu ada yang tercicir waima di bandar atau ceruk kampung. Pasti ada yang perlu dibantu.

Bagi mengesan asnaf, 10 hingga 20 kakitangan ditempatkan di setiap daerah. Mereka dibantu hampir 2,000 amil kariah, lazimnya ahli jawatankuasa masjid, penghulu dan pemimpin setempat.

“Setiap hari mereka mencari dan menyiasat kes berkaitan asnaf. Sebab itu, jumlah asnaf negeri ini tiada pengurangan ketara.

“Puratanya, terdapat 65,000 asnaf di Selangor dan jumlah itu lebih kurang sama sejak tiga tahun lalu.

“Jika kakitangan ada lebih asnaf baharu, maka KPI (petunjuk prestasi utama) mereka jadi lebih baik,” kata Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohd Sabirin Mohd Sarbini.

Jika asnaf ditemui, permohonan disegerakan. Dalam 14 hari, LZS menyelidik terlebih dahulu sebelum meluluskan atau menolaknya.

Sekiranya permohonan berkaitan kecemasan seperti banjir atau kebakaran, pemohon mendapat bantuan dalam 24 jam.

Pusat zakat bawah Majlis Agama Islam Selangor (Mais) itu sudahpun mengurangkan hampir 50 peratus dokumen permohonan bagi memudahkan urusan.

“Kami antara institusi zakat yang mengurangkan birokrasi. Tidak perlu tebal-tebal dokumennya.

“Pegawai sendiri ke lapangan jika ada asnaf susah hendak memohon,” katanya ketika ditemui

Selangorkini pada 5 April.

Lembaga zakat itu juga memudahkan pembayaran zakat dengan memperkenalkan perkhidmatan dalam talian.

“Kita sudah lama melancarkan aplikasi ‘Zakat Selangor’ untuk bayar zakat. Namun, permohonan bantuan bulanan zakat dalam talian berisiko tinggi. Bimbang ada individu cuba memanipulasi dokumen.

“Sebab itu, permohonan bantuan zakat masih tidak boleh dibuat secara dalam talian,” kata Mohd Sabirin.

### Agih RM30 juta

Jumlah kutipan zakat di Selangor mencecah RM993 juta pada 2021. Sebanyak 60 peratus daripadanya sumbangan zakat harta terutama potongan gaji bulanan.

Keprihatinan pembayar zakat membolehkan bantuan kewangan asnaf fakir dan miskin tidak putus. Pada Ramadan dan Aidilfitri tahun ini, RM30 juta diperuntuk bagi golongan berkenaan.

Setiap keluarga asnaf menerima RM300 hingga RM1,000 sekali beri. Ia membolehkan mereka menjalani ibadah puasa lebih sempurna, juga menyambut Aidilfitri lebih meriah.

Sementara itu, Mohd Sabirin menggesa umat Islam segera menunaikan zakat fitrah dan tidak menunggu sehingga akhir Ramadan.



“ Kami antara institusi zakat yang mengurangkan birokrasi. Tidak perlu tebal-tebal dokumennya. Pegawai sendiri ke lapangan jika ada asnaf susah hendak memohon

**MOHD SABIRIN  
MOHD SARBINI**  
Ketua Pegawai Eksekutif LZS

“Memang ada tunggu sehingga pagi Aidilfitri iaitu sebelum solat sunat. Katanya afdal. Tapi kena ambil pengajaran tahun lepas akibat menanggukkan zakat fitrah. Raya tetiba mengejut.

“Pasti ada terlepas kerana tunggu sehingga pagi Syawal. Lebih awal selesaikan zakat, lebih cepat agihan dilakukan,” katanya.

Bagi memupuk kesedaran mengenai rukun Islam keempat itu, LZS melancarkan mata pelajaran berkaitan zakat di Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) seluruh Selangor sejak tahun lalu.

LZS juga menyasarkan subjek berkenaan dimasukkan dalam sukatan institut pengajian tinggi, tahun ini.

“Harapan kita supaya anggota masyarakat daripada umur muda faham dan melaksanakan kewajipan itu,” katanya.

Bimbang kontroversi mengendalikan dana awam, aspek integriti dan pematuhan diutamakan. Syarikat ditubuh sejak 20 tahun lalu itu diaudit lima kali setahun. Ia membabitkan audit dalaman, audit kualiti, audit negeri dan persekutuan serta Mais sendiri. Malah, juruaudit luar turut dilantik memantau akaun LZS.



# Amy tenteram dalam zikir

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

**S**etibanya Ramadan sejak tiga tahun lalu, penyanyi rock Amy membuka reruai jualan pakaian untuk digayakan ketika sambutan Aidilfitri.

Pemilik nama sebenar Datuk Suhaimi Abdul Rahman, 65, itu berniaga di pusat beli-belah The Publika, Kuala Lumpur sejak 2021. Kali ini, beliau berjualan di The Curve Damansara, Petaling Jaya.

Seperti tahun-tahun lalu, Amy berehat daripada mengadakan persembahan untuk tumpu perniagaannya. Koleksi kurta, jubah, songkok dan kebaya antara bahan jualan atas jenama Amy Search General Products.

“Saya ada pekerja yang menguruskan jualan di sana. Sudah tiga tahun saya berniaga di The Publika, tahun ini tukar lokasi pula,” katanya kepada Selangorkini baru-baru ini.

Sebagai artis terkenal sejak 1980-an, beliau juga menggunakan kesempatan untuk beramah mesra dengan peminat ketika mengurus niaga.



Amy juga ada tabiat tertentu sejak muda setiap kali Ramadan. Beliau gemar menjamah kuih dan manisan selepas berbuka puasa. Sebelum tidur pula, beliau suka mengunyah manisan.

“Saya kalau bulan puasa ini, memang cari dua kuih iaitu onde-onde dan badak berendam. Itu kesukaan saya,” katanya.

## Zikir dan solat

Sesuai dengan Ramadan, Amy turut berusaha mendekati diri kepada Allah SWT dengan memperbanyak zikir dan solat.

Lebih-lebih lagi kebelakangan ini. Rimas dengan komen-komen di media sosial berkaitan dirinya, pelantun lagu Fantasia Bulan Madu itu cuba mengelak membaca kenyataan sedemikian.

“Saya lawan fikiran negatif dengan bertemu orang tabligh, solat dan zikir. Saya jarakkan diri di media sosial kerana ada unsur negatif mengganggu kesejahteraan minda saya,” katanya. Sedikit sebanyak amal ibadat

menghilangkan rasa sedihnya yang menjadi sasaran buli siber. Beliau juga sering menangis sendirian. Tidurnya terganggu, sering terjaga pada awal pagi.

“

**Saya ada pekerja yang menguruskan jualan di sana. Sudah tiga tahun saya berniaga di The Publika, tahun ini tukar lokasi pula**

Amy berasa seolah-olah berada pada fasa terendah hidupnya sepanjang empat dekad dalam dunia seni. Paling teruk, semasa Perintah Kawalan Pergerakan dua tahun lalu.

“Saya berasa perjuangan selama ini tidak dihargai. Macam karya seni saya dipandang sebelah mata. Mungkin mereka tidak faham apa yang berlaku. Jadi, mudah untuk kata apa sahaja,” katanya.

Pun begitu, anak kelahiran Johor itu tidak pernah tawar hati atau mahu memadamkan cintanya kepada dunia nyanyian. Tahun ini, beliau bersama ahli kumpulan Search merancang konsert.

Selain itu, satu lagu baharu bertajuk Endemik siap dirakam. Namun, tarikh pelancaran lagu berkenaan belum ditetapkan kerana perlu melalui proses penggambaran video muzik terlebih dahulu.

# Pesta jualan Aidilfitri

Jualan pakaian baharu hingga hiasan rumah, cabutan bertuah, pertandingan dan persembahan artis mewarnai suasana menjelang Syawal.

Bak pesta, acara tumbuh bagai cendawan dan ratusan reruai didirikan. Jualan 72 jam tanpa henti turut diadakan bagi menggamit orang ramai.

Wartawan NAZLI IBRAHIM menyenaraikan lima pesta jualan terpilih sempena sambutan Aidilfitri.



## FESTIRA 2023

Di Kompleks PKNS Shah Alam, Pusat Beli-belah SACC Shah Alam dan Kompleks PKNS Bangi jam 10 pagi hingga 12 tengah malam antara 3 Mac hingga 21 April

- 180 reruai di ketiga-tiga lokasi
- 145 gerai bazar Ramadan
- Nazrey Johani, Elyana, Bagio, Nizam Laksamana dan Azmi Caliph Busker antara selebriti
- persembahan nasyid dan tazkirah
- sedia kaunter bayar zakat fitrah



## FEST KALOOT RAYA 2023

Di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam jam 10 pagi hingga 3 pagi dari 14 hingga 16 April

- 200 reruai pakaian jenama terkenal
- 20 artis ambil bahagian termasuk Shaheizy Sam, Syatilla Melvin, Nad Zainal dan Heliza Helmi
- cabutan bertuah dan tazkirah



## RIOOOH RAYA GM KLANG

Di GM Klang Wholesale City, Klang jam 10 pagi hingga 8 malam dari 23 Mac hingga 20 April

- Panggilan Duit Raya tawar wang tunai RM7,300
- 2,500 kedai pakaian, aksesori dan hiasan rumah
- pertandingan tarian, jualan amal

## KARNIVAL RAYA VAGANZA, ELMINA CITY CENTRE

Di Elmina City Centre, Shah Alam jam 10 pagi hingga 2 pagi dari 22 Mac hingga 22 April

- jualan 72 jam tanpa henti tiga hari terakhir Ramadan
- 202 reruai dibuka
- Aida Aris, Shah Jaszle, Fendy Bakry, Shajiry dan Rabbani antara artis
- tazkirah agama, sumbangan raya asnaf dan anak yatim



## JOM RAYA FEST 2023

Di Stadium Malawati, Shah Alam jam 3 petang hingga 12 tengah malam dari 12 hingga 21 April

- 17 artis buka reruai antaranya Datuk Aliff Syukri, Ako Mustapha dan Zizan
- sedia 150 reruai
- persembahan, cabutan bertuah dan ceramah 10 malam terakhir





Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tiga, kanan) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian persefahaman antara Bank Islam dengan MBI Halal International Selangor (HIS)



EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail (tengah) bersama peniaga yang dibantu Kerajaan Selangor melalui dana Unit Perancang Ekonomi Negeri



Eksekutif Pembangunan Bisnes Sate Kajang Hajji Samuri Rafizan Yusoff menyusun daging sate untuk dicuba pengunjung. Mereka menjual produk sejuk beku di pasaran sejak empat tahun lalu

Model menggayakan busana daripada Persatuan Peraka Bumiputera Malaysia (MBDA) ketika majlis makan malam apresiasi SELHAC



Wakil The Idea Box Solution Rus Aniza Alang Ahmad menyusun pek sedia makan Hameediyah, restoran nasi kandar terkenal di Pulau Pinang



# Selangor gerbang halal



Eksekutif Jabatan e-Dagang SIDEc Ikhwani Saufi memeriksa maklumat di komputer. Perbadanan milik penuh Kerajaan Negeri itu membantu perusahaan kecil dan sederhana menceburi platform niaga dalam talian



Ketua Pegawai Eksekutif Sertwo International Norazwa Omar Jamli menunjukkan produk Samak & Sertu. Dikeluarkan sejak 2018, ia memudahkan orang ramai membersihkan najis mughallazah

Pempamer dari luar negara antaranya Australia, United Kingdom, Thailand, Vietnam, Bangladesh dan Kanada terlibat sepanjang tiga hari acara

PADANAN perniagaan sempena Persidangan Halal Antarabangsa Selangor (SELHAC) 2023 pada 10 hingga 12 Mac di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur mencatat urus niaga RM57.4 juta, mengatasi sasaran awal RM50 juta.

Turut menarik penyertaan negara luar, komponen Rancangan Selangor Pertama (RS-1) itu disertai lebih 200 pempamer serta 8,000 pengunjung.

Lensa MOHD YUSNI ARIFFIN dan HAFIZ OTHMAN merakam kemeriahan program Kerajaan Negeri itu yang memacu ekonomi halal serantau.

Keterangan gambar disediakan NADIAH ZAMLUS.



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub menyampaikan Anugerah Komited Halal kepada Pengurus Korporat dan Hal Ehwah Kawal Selia Wipro Unza Malaysia Rozaina Mahmud ketika majlis makan malam apresiasi SELHAC



Sharon Hochsmann (kiri) dan suaminya Thomas mengusahakan minyak pati jenama Thomas & Sharon Essential Oil. Tahun lalu produk berkenaan mendapat status halal



Pengurus Aizicle Arisyah Anwar Mirza menunjukkan aiskrim berperisa buah keluaran syarikatnya yang menggunakan bahan dibekal petani Jabatan Pertanian Malaysia



Penyanyi terkenal Mawi membuat persembahan ketika majlis makan malam apresiasi SELHAC



Penyelidik kedoktoran di Universiti Teknologi Mara, **ZAMIR MOHYEDIN** seorang ahli fizik yang menulis lapan buku

# Islam majukan ilmu falak

**A**stronomi merupakan ilmu sains tabii tertua di dunia. Sebelum ilmu astronomi disusun menjadi lebih sistematik, manusia sejak 10,000 tahun lalu telah mendongak langit, memerhatikan jasad-jasad samawi untuk meramal waktu untuk bercucuk tanam dan menuai.

Malah, pada seawal sekitar 30,000 tahun lalu dijumpai manusia mengukir carta bintang pada gading gajah. Bintang-bintang yang bergerak dan pegun dijadikan inspirasi kepada manusia purba untuk bercerita tentang kewujudan dan aktiviti dewa-dewa.

Tamadun di seluruh dunia telah menyatukan pengetahuan bintang-bintang dalam aktiviti seharian mereka – daripada bercucuk tanam, pembinaan, keagamaan, politik hinggalah ke cerita-cerita fiksiyen. Astronomi menjadi ilmu sains tabii tertua kerana kepentingannya dalam menguruskan keperluan harian manusia.

Sewaktu Eropah dilanda Zaman Kegelapan kerana ilmu sains dipantau dan disekat oleh gereja, dunia Islam sedang melalui zaman keemasan kerana berkembangnya ilmu pengetahuan termasuklah ilmu sains. Ilmu-ilmu sains purba dari Yunani, Mesir, Parsi dan India diterjemah secara besar-besaran, kemudian dikaji, dikritik dan dikembangkan.

Disebabkan galakan aktiviti terjemahan ini daripada khalifah, Baitul Hikmah di Baghdad telah menjadi pusat keilmuan paling aktif di dunia pada masa itu.

Dalam dunia Islam, astronomi dikenali sebagai falak yang bermaksud ilmu perbintangan. Tidak seperti tamadun Mesir Purba, Yunani dan Mesopotamia, orang Arab tidak mempunyai ilmu astronomi yang sistematik sebelum kedatangan Islam.

Mereka menentukan musim tertentu hanya berdasarkan cerapan jasad-jasad samawi. Semenjak orang Islam mula diperkenalkan dengan pelbagai pengetahuan dari luar, ilmu astronomi berkembang dengan pesat.


Ilmuan-ilmuan Islam berjaya merumuskan bagaimana gerhana matahari terjadi, mendedahkan jarak antara Bumi dan Matahari berbeza setiap tahun, penentuan pembentukan fasa-fasa bulan berdasarkan kedudukan Matahari, meramalkan pergerakan jasad-jasad samawi termasuk planet-planet dan bintang, merumuskan konsep azimuth serta pelbagai lagi.

Sekitar 10,000 manuskrip astronomi dikarang oleh ilmuan Islam ketika Zaman Keemasan Islam.

## Kiblat arah selatan

Ilmu astronomi cepat berkembang di dunia Islam, terutamanya ketika Zaman Abbasiyyah, kerana kepentingannya dalam amalan beragama.

Sebelum datangnya ilmu astronomi Yunani dan India ke Arab, orang Islam tidak mempunyai



kaedah yang terperinci untuk menentukan kiblat. Mereka hanya menggunakan arah mata angin tertentu untuk menentukan kiblat.

Misalnya sebahagian sarjana Islam awal menggunakan arah selatan walau di mana mereka berada untuk menentukan kiblat kerana tunjuk ajar daripada Rasulullah SAW yang memang Mekah pada masa itu berada di arah selatan Madinah.

Apabila empayar Islam berkembang, orang Islam telah tersebar di merata tempat dan jauh daripada Mekah. Hal ini memberikan cabaran kepada penganut Islam untuk menentukan arah kiblat, malah arah Selatan tidak semestinya tunjuk ke arah Mekah bergantung di mana kita berada.

Ilmu astronomi dikembangkan dan dijadikan rujukan oleh dunia Islam setelah karya *Almagest* dan *Geographia* yang dikarang Ptolemy diterjemah. Kehadiran ilmu astronomi

mbolehkan penganut Islam untuk menentukan arah kiblat dengan lebih tepat.

Konsep latitud dan longitud yang dirumuskan oleh Ptolemy bersama dengan konsep trigonometri yang dirumuskan oleh ilmuan Islam digunakan. Bentuk muka Bumi iaitu sfera diambil pertimbangan dalam kaedah kiraan.

## Penentuan Ramadan

Dengan kaedah pengiraan yang tepat, ilmuan Islam berjaya menyenaraikan arah kiblat di pelbagai lokasi. Pada kurun ke-14, sebanyak 2,880 koordinat ditentukan arah kiblatnya. Kesungguhan menentukan arah kiblat dengan lebih tepat telah membawa kepada perkembangan ilmu astronomi dan trigonometri.

Selain daripada penentuan arah kiblat, ilmu astronomi juga penting bagi penentuan bulan-bulan penting seperti Ramadan yang mewajibkan penganut Islam untuk berpuasa.

Walaupun Hari Raya Aidiladha berlaku pada pertengahan bulan, kita perlu tahu juga bila suatu bulan Islam itu bermula untuk mendapatkan pertengahan bulan yang tepat. Ada bulan cukup 30 hari, ada bulan hanya 29 hari.

Hal ini memberikan kesan kepada tarikh amalan penting seperti Hari Arafah dan Nisfu Syaaban. Hal ini juga yang menjadi dorongan kepada ilmuan Islam untuk mendalami astronomi. Menariknya, kebanyakan negara Islam tidak menggunakan kiraan untuk menentukan tarikh bulan-bulan Islam, tetapi menggunakan cerapan.

Jika pada waktu senja hari ke-29 anak bulan tidak dapat dicerap disebabkan faktor hujan, awan tebal dan sebagainya, hari esoknya ditentukan sebagai hari ke-30. Sebaliknya, jika anak bulan dapat dicerap, maka bermulanya bulan baharu.

Sebab itulah ada negara beraya sehari lebih awal

atau lewat walau berada di zon berdekatan. Ada sesetengahnya menggunakan kiraan berbanding cerapan tetapi kaedah ini minoriti kerana berselisih dengan amalan yang dilakukan oleh baginda Nabi Muhammad SAW.

Ilmu astronomi yang digagaskan oleh ilmuan Islam bukan sahaja memberikan manfaat dan memudahkan umat Islam kini, tetapi juga pernah memberikan impak yang cukup besar kepada tamadun Eropah.

Nicolaus Copernicus yang cukup popular mempopularkan teori heliosentrik, tidak sedikit memetik ilmuan-ilmuan Islam yang menyumbang kepada pembentukan gagasannya.

**Ilmuan Islam berjaya merumuskan bagaimana gerhana matahari terjadi, mendedahkan jarak antara Bumi dan Matahari berbeza setiap tahun, penentuan pembentukan fasa bulan berdasarkan kedudukan Matahari, meramalkan pergerakan jasad samawi termasuk planet dan bintang, merumuskan konsep azimuth serta pelbagai lagi**

# Penghayatan ahli sufi

**K**arya Martin Lings mengenai sirah Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal mendapat sambutan hangat sejak diterbitkan pada 2020. Ia muncul buku paling laris sejak Siri Pencerahan Selangor dilancarkan pada 2016.

Sehubungan itu Kerajaan Negeri menerbitkan satu lagi buku Martin, atau nama Islamnya Abu Bakr Sirajuddin, *What is Sufism?* dengan judul *Apa itu Tasawuf?* pada hujung tahun lalu.

Karya yang mencabar fikiran ini dikarang oleh seorang sufi yang ahli dalam bidangnya. Ia memperkatakan tentang tasawuf menurut pandangan dan pengalaman peribadi seseorang yang melalui perjalanan rohani itu.

Penterjemah Dr Khairul Anam CM bersoal jawab dengan wartawan NADIAH ZAMLUS secara bertulis pada 6 April mengenai usaha penterjemahan *What is Sufism?*.

## Mengapa memilih karya *What is Sufism?* untuk terjemahan?

Sebab buku ini memberi tumpuan penuh dalam karya yang cukup padat kepada intipati tasawuf, misalnya tentang mengenal Allah serta hubungan antara Tuhan dan makhluk.

Boleh dikatakan tumpuannya kepada sisi falsafi. Ia berbeza dengan kebanyakan buku tasawuf yang ditulis oleh pengarang kontemporari yang beredar dalam pasaran yang lebih banyak menyentuh aspek amali.

## Mengapa pengarang Martin Lings menjadi pilihan?

Martin Lings atau nama Arabnya Abu Bakr Sirajuddin dipilih kerana beliau adalah tokoh yang diakui amat berwibawa dalam bidang tasawuf. Selain itu, nama beliau semakin mendapat perhatian dalam kalangan pembaca di Malaysia berikutan buku riwayat hidup Nabi Muhammad SAW karangannya yang mendapat sambutan hangat sejak terbit edisi bahasa Melayu lebih setahun yang lalu.

## Menurut pandangan anda apa isi menarik pada buku tersebut?

Isi paling menarik ialah pokok persoalan atau gejala yang menjadi punca pengarang buku ini iaitu tasawuf.

## Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang usaha menterjemah karya ini?

Cabaran pertama dari segi bahasa. Martin Lings seorang sarjana persuratan Inggeris dan Arab serta pakar dalam kajian karya sastera Shakespeare. Maka dia memiliki gaya prosa Inggeris yang pastinya memberi cabaran kepada seorang penterjemah.

Cabaran dalam erti kata menghasil karya terjemahan yang tidak kurang rendah gaya dan keindahan prosa bahasa Melayunya sebagai

memberi penghormatan yang selayaknya kepada penulis asalnya.

*What is Sufism?* Sebuah karya terpenting dalam persuratan sufi abad ke-20 yang dikarang oleh seorang sufi berketurunan Eropah. Peminat tempatan bagi persuratan jenis ini, mutakhir ini, sudah terbiasa membaca terjemahan karya Arab atau karya asli bahasa Melayu atau Indonesia.

Maka saya fikir sangat berguna sekiranya saya mencabar diri menterjemah sebuah karya tasawuf berasal dari Eropah ini dengan berusaha menggunakan mutu bahasa Melayu lebih tinggi sambil mengimbu gaya pengucapan kalangan sufi alam Melayu beberapa abad silam.

Cabaran kedua datangnya daripada pokok persoalan yang terkandung dalam buku ini dan pengarangnya. Ini sebuah karya yang membincangkan persoalan yang menggugat dan mencabar fikiran, iaitu tasawuf, dan ia dikarang oleh seorang sufi yang ahli.

Dengan lain kata, buku ini memperkatakan tentang tasawuf menurut pandangan dan pengalaman peribadi seorang sufi. Sedangkan kemampuan penterjemah pula hanya terbatas setakat pengetahuan fikri tanpa sebarang pengalaman batin tentang tasawuf.

Setiap terjemahan menuntut tafsiran. Maka kerja menterjemah buku ini lebih mencabar fikiran kerana ia menuntut sejenis tafsiran yang melampaui tafsiran fikiran, yang barangkali boleh digelar tafsiran batin atau akliah.

## Apa ilmu baharu yang anda peroleh ketika proses menterjemah karya itu?

Perkara khusus yang saya pelajari dalam usaha menterjemah buku ini tentunya berkisar tentang perasaan dan pengalaman menterjemah dan mentafsir sesuatu yang menuntut lebih daripada sekadar pengetahuan dan kefahaman fikri.

Pengalaman itu bersifat fikiran dan rohani serempak. Dan saya tidak berupaya berkongsi tentangnya di sini kerana ia masih lagi pada tahap awal

pengalaman peribadi yang belum diproses menjadi pengetahuan yang tersusun, apatah pula lagi ilmu, untuk dikongsi dan disampaikan kepada orang lain.

Saya fikir, hanya pembaca yang lebih berpengalaman dan arif tentang tasawuf yang berupaya menilai baik atau buruk mutu tafsiran saya itu.

Apa yang boleh saya sebut di sini hanyalah tentang perasaan dan pengalaman saya menterjemah dan mentafsir kandungan buku ini iaitu 'lazat'.

## Adakah mana-mana penulis tempatan yang menghasilkan karya sebaik atau sama hebat dengan *Apa itu Tasawuf?*

Setakat pembacaan saya yang tidak begitu meluas, saya belum menemui karya khusus tentang tasawuf dalam bahasa Melayu yang dikarang pada abad ke-20 dan ke-21 yang menarik perhatian fikiran saya.

Menurut penilaian akliah saya, kebanyakan yang saya temui tidak mengandungi pengucapan akliah yang canggih malah terperangkap dalam jiwa yang terlalu kemelayuan—sedangkan tasawuf itu bersifat sejagat dan khusus serempak tetapi tidak sekali-kali sempit dan tertawan.

Bahkan gaya dan mutu bahasa pengucapan juga sebagaimana yang telah menjadi kebiasaan dalam kalangan penutur dan penulis amatir zaman ini.

Bagaimanapun, ini hanyalah penilaian peribadi saya semata berdasarkan rasa dan cita akliah saya yang terbentuk daripada latar pendidikan dalam bidang falsafah.

Segala kelemahan yang saya sebut itu tidak sekali-kali menafi atau menurunkan darjat amal ibadat dan penghambaan diri seorang sufi atau seorang makhluk kepada Khalik. Ia bukan pula syarat mengikuti tasawuf harus memiliki fikiran yang canggih.

## Berapa lama proses terjemahan?

Saya sentiasa berusaha menghormati dan meraikan permintaan pihak penerbit untuk menyerahkan draf akhir terjemahan dalam masa setahun. Dalam tempoh itu saya telah menghasilkan dua naskhah terjemahan berlainan dan hasil terjemahan yang sampai kepada pembaca itu merupakan naskhah kedua.

## Ada atau tidak disebutkan dalam karya ini cara-cara mengenali kaedah tasawuf yang betul atau 'menyeleweng'?

Sudah tentu penulis menyebut tentang perkara benar dan batil dalam amalan dan pengalaman rohani. Ia salah satu perkara yang mendorong penulis mengarang sebuah buku tentang tasawuf.

## Apa pengajaran dalam karya ini yang boleh dijadikan iktibar kepada pembaca?

Banyak pengajaran yang boleh diambil sebagai iktibar dalam buku ini. Pada akhirnya terpulung kepada pembaca.



# Lebih juadah dua tan diagih percuma

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

**M**eski Islam menegah umatnya membazir, banyak juadah tidak terjual di bazar Ramadan terbuang begitu sahaja saban tahun.

Ramadan yang menitik berat soal ibadat termasuk nikmat gandaan pahala berubah menjadi bulan pembaziran dek kealpaan sebahagian umat.

Justeru, sekurang-kurangnya dua organisasi iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Team Selangor mengambil inisiatif supaya lebih juadah tidak tersisa atau berakhir di longgokan sampah.

Melalui program Jimat Makanan (My Save Food), MBSA membuka tiga pusat pengumpulan makanan di bazar Ramadan di Seksyen 7, 17 dan 20 untuk diedar percuma kepada orang ramai.

Program sejak 2021 turut dibantu sukarelawan daripada Bridged Sukarelawan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan badan bukan kerajaan (NGO) Pemuda Gema Malaysia.

Mereka merekod, menimbang, membungkus semula sebelum juadah diedar kepada penghuni kawasan perumahan dan lokasi lain yang ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

“Program ini bertujuan mengelak pembaziran lebih makanan dan minuman serta mengurangkan sisa domestik untuk dilupus di tapak pelupusan, sebaliknya diagih kepada penduduk,” kata Pegawai Perhubungan Awam MBSA Shahrin Ahmad.

Setakat 5 April, sebanyak 2.2 tan dikumpulkan meliputi 1.1 tan makanan dan minuman (1.1 tan) sebelum diedar ke 16 lokasi antaranya rumah pangsa, projek perumahan rakyat serta masjid dan surau.

Pada 2021, MBSA mengumpul 855.4 kilogram (kg) lebih makanan. Jumlah tersebut meningkat kepada 2,294.4 kg tahun berikutnya.

## Sampah termasuk sisa juadah

Menurut KDEB Waste Management (KDEBWM), syarikat yang mengurus sisa pepejal di Selangor, kutipan dari 10,524 bazar melibatkan tujuh PBT naik 45 peratus dalam masa seminggu berpuasa.

Setakat 30 Mac, KDEBWM merekod kutipan sisa buangan 73.67 tan sehari berbanding 50.78 tan dalam tempoh sama pada 2022 berikutan pertambahan petak niaga di bazar.

Majlis Perbandaran Klang paling banyak sisa buangan iaitu 17.93 tan diikuti Majlis Bandaraya Subang Jaya (10.99 tan) Majlis Perbandaran Kajang (16.1 tan), Majlis Perbandaran Selayang (13.48 tan), Majlis Bandaraya Shah Alam (8.89 tan) dan Majlis Perbandaran Sepang (5.18 tan).



Selain MBSA, sukarelawan Team Selangor yang digerakkan Sekretariat Kesedaran Kenegaraan dan Kesukarelaan Negeri Selangor juga membuat inisiatif sama antara 31 Mac hingga 10 April.

Mereka mengumpul juadah dari bazar di Bandar Baru Ampang, Jalan Kebun (Klang), Lembah Subang (Petaling Jaya), Kampung Sungai Gulang-Gulang (Kuala Selangor), Restoran Seksyen 4 dan 10 di Shah Alam.

Pengurus Kanan Sadina Suffian menjelaskan mereka akan “lihat, bau dan rasa” lebih makanan daripada peniaga bazar bagi memastikan mutu makanan terjamin.

“Makanan yang diasing, dibungkus semula sebelum diedar kepada penerima. Pelekat ditampal pada bungkusan sebagai peringatan untuk ambil makanan pada hari sama atau kadar segera,” katanya.

Agihan dibuat kepada jemaah masjid, mahasiswa, madrasah, rumah anak yatim serta asnaf atau individu kurang berkemampuan di lokasi penduduk berkepadatan tinggi dan pinggir bandar.

Tahun lalu, Team Selangor mengumpul 437.7 kg lebih juadah merangkumi 134.3kg makanan dan 303.4kg minuman daripada 30 hingga 40 peniaga di bazar Seksyen 3 Bandar Baru Bangi.



**BERMUTU...** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Datuk Azulita Salim (kiri) ketika peluncuran Jualan Agro Rahmah di Putrajaya pada 6 April. Hadir sama, menteri berkaitan Datuk Seri Salahuddin Ayub. Foto Facebook Anwar Ibrahim

## Memanfaat penjawat awam, petani, pesara

# 3.46 juta terima bantuan Aidilfitri

**SHAH ALAM** - Seramai 3.46 juta orang menerima Bayaran Khas Kewangan Aidilfitri berjumlah RM1.572 bilion yang disalurkan pada 17 April, kata Timbalan Menteri Kewangan I Datuk Seri Ahmad Maslan.

Beliau berkata 850,000 penerima terdiri pesawah, pekebun kecil getah dan nelayan masing-masing menerima RM200 dengan nilai keseluruhan RM170 juta, lapor Bernama.

Katanya, 213,000 sukarelawan da-

ripada Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Angkatan Pertahanan Awam, polis dan bomba pula menerima manfaat sama berjumlah RM64 juta.

"Seramai 1.4 juta penjawat awam gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak dan MySTEP akan menerima RM700 dengan kesan kewangan RM988 juta," katanya.

Beliau menambah seramai satu juta pesara kerajaan termasuk veteran tidak berpencen akan menerima RM350

dengan kesan kewangan RM350 juta.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2023 pada 24 Februari mengumumkan bantuan khas itu kepada penjawat awam dan pesara kerajaan

Pada 29 Mac, Anwar yang juga menteri kewangan mengumumkan inisiatif tambahan bantuan Aidilfitri yang diperluas kepada pesawah, pekebun kecil getah, nelayan dan sukarelawan.

## e-Dompot RM200 untuk mahasiswa

**SHAH ALAM** - Bantuan e-dompot akan diperluas kepada semua mahasiswa yang layak di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam Sesi Dialog Perdana Menteri bersama Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Se-Malaysia di sini, beliau berkata ia demi manfaat golongan itu, lapor Bernama.

"Saya akan putuskan supaya e-dompot boleh dimanfaatkan semua mahasiswa," katanya yang juga menteri kewangan pada 7 April.

Isu itu dibangkitkan wakil pelajar berikutan kategori penerima bantuan RM200 hanya meliputi individu berusia 18 hingga 20 tahun, menyebabkan sebahagian mahasiswa tidak menikmatinya.

Anwar turut memberi jaminan bahawa Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin akan memastikan akses internet semua kampus di seluruh negara dalam keadaan baik.

"Arahan kita sekarang untuk Kerajaan Perpaduan, syarat pertama mesti memastikan akses (internet) ini menyeluruh

di seluruh negara," katanya.

Menjawab pertanyaan isu harga tiket penerbangan domestik yang tinggi, perdana menteri memaklumkan beliau akan berbincang dengan Menteri Pengerangan Anthony Loke.

"Tetapi ini di luar skop kerajaan (harga tiket penerbangan) kecuali dengan beri subsidi. Ini masuk akal dan mungkin kita perlu berunding dengan syarikat penerbangan. (Mungkin) setahun sekali diberikan... boleh, nanti kita bincang," katanya.

## PM seru perbanyak baca al-Quran

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru umat Islam di negara ini supaya memperbanyak bacaan al-Quran.

Katanya, kitab suci yang diturunkan pada Ramadan itu mengandungi mesej sarat petunjuk yang meluruskan perbezaan antara yang haq dan batil.

Beliau berkata ia juga suatu bentuk kesyukuran atas turunnya mukjizat Allah SWT yang menjadi sumber kekuatan dan kejayaan umat.

"Mudah-mudahan mukjizat agung ini akan memberi syafaat kepada kita semua di akhirat kelak, insya-Allah," katanya di Facebook sempena memperingati peristiwa Nuzul al-Quran.

Peristiwa itu merujuk kepada kejadian turunnya ayat al-Quran pertama kepada Nabi Muhammad SAW pada malam Jumaat, 17 Ramadan di Gua Hira, Makkah iaitu tahun ke-41 keputeraan Baginda.

## Tanah rizab Melayu terus meningkat

**SHAH ALAM** - Keluasan tanah rizab Melayu di Selangor meningkat kepada 162,657.71 hektar pada 2019 sebelum bertambah lagi kepada 163,138.24 hektar pada 2021.

Setiausaha Politik Menteri Besar Selangor Juwairiya Zulkifli berkata jumlah itu menunjukkan pertambahan 2,904.38 hektar berbanding hanya 160,233.86 hektar pada 2013, lapor Bernama.

Katanya, peningkatan tersebut susulan pewartaan kawasan Hilir Tambahan-Hulu Langat, Kundang-Kuala Langat, Selayang Pindah-Gombak, Ulu Semenyih-Hulu Langat dan Bukit Cherakah-Petaling.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Melawati itu menegaskan Kerajaan Selangor sentiasa memelihara keluasan tanah rizab itu selain dipantau Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

## Teliti projek tebatan banjir demi rakyat

**SHAH ALAM** - Penelitian semula projek rancangan tebatan banjir (RTB) tidak memabitkan isu politik sebaliknya kepentingan kepada rakyat, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan mengurangkan hampir RM2 bilion daripada jumlah asal projek tersebut hasil tindakan berkenaan.

"Projek RTB asal memperuntuk kos RM15 bilion secara rundingan terus tetapi saya batalkan semua dan mahu lakukan secara tender terhad.

"Hasilnya hampir RM2 bilion dapat diselamatkan. Ini bukan isu politik tetapi rakyat dan penjimatan tersebut kita tambah projek RTB di Johor dan Kelantan kerana kerana mereka juga mengalami masalah banjir besar," katanya pada 8 April.



## RM5 juta bangun 77 kampung baru

**SUBANG JAYA** - Kerajaan persekutuan memperuntuk RM5 juta untuk pembangunan 77 kampung baru di Selangor.

Menteri pembangunan kerajaan tempatan berkata pelbagai produk dari gugusan perkampungan itu boleh dijadikan produk pelancongan.

"Jadi kita bagi RM5 juta kepada Kerajaan Selangor sebagai dana pembangunan untuk 77 kampung baru. Kita lihat banyak produk (dari kampung baru) yang boleh dipromosi.

"Sebab itu dalam Belanjawan 2023 telah peruntuk RM104 juta untuk dana pelbagai program pembangunan kampung baru termasuk pengindahan dan mempromosikan pelancongan," kata Nga Kor Ming pada 7 April.

Beliau juga menjelaskan kepelbagaian budaya dan kaum antara keistimewaan dan kekuatan di negara ini yang terpapar dalam kampung baru.

## Puspakom periksa kenderaan percuma

**SHAH ALAM** - Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) mengadakan kempen pemeriksaan kenderaan percuma kepada pemilik kenderaan persendirian mulai 10 hingga 20 April.

Ketua pegawai eksekutifnya berkata orang ramai boleh ke semua cawangan kecuali Shah Alam (Selangor), Taman Bukit Maluri (Kuala Lumpur) dan Pasir Gudang (Johor) dari 8 pagi hingga 5 petang, lapor Bernama.

Mohammed Shukor Ismail berkata Unit Pemeriksaan Bergerak juga ditawarkan di beberapa lokasi terpilih yang disenarai dalam laman web [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) atau Facebook Puspakom Sdn Bhd.

Katanya, pemeriksaan itu tertumpu kepada aspek keselamatan termasuk pemeriksaan brek, pelincir sisi, tayar, asap, lampu, bahagian bawah dan atas kenderaan serta cermin gelap.

"Kempen ini membantu pemilik mengetahui keadaan kenderaan mereka melalui pemeriksaan menggunakan komputer."

## RM35 juta tangani isu PPR tenat

**SHAH ALAM** - Peruntukan tambahan RM35 juta disediakan untuk kemudahan penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Selangor dan Kuala Lumpur.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata dana program Komuniti Kita Untuk Kita (K2K) itu akan diagih kepada 12 perumahan yang mengalami masalah serius dan tenat.

"Kita telah bincang dengan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk percepat proses dan tidak ikut tender biasa sebaliknya tender terhad dalam tempoh tiga bulan sahaja.

"Peruntukan tambahan ini memanfaatkan kira-kira 10 ke 12 PPR kategori bermasalah di Kuala Lumpur dan Selangor. Ia sudah diluluskan dan boleh digunakan dalam kadar segera," katanya.

Terdahulu, beliau melancarkan program K2K yang digerakkan Think City Sdn Bhd di PPR Kampung Baru Hicom pada 8 April. Turut hadir, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Program tersebut inisiatif bawah Belanjawan 2023 bagi meningkatkan daya huni perumahan awam.

Amirudin pula mengumumkan beberapa kemudahan untuk penduduk di PPR Kampung Baru Hicom di sini termasuk pembinaan pagar automatik.

Beliau berkata projek menggunakan peruntukan pejabatnya dijangka menyelesaikan isu tempat letak kereta di perumahan tersebut selain pembinaan sebuah gelanggang futsal.

"Bukan itu sahaja, saya telah mengarahkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan perkhid-

matan bas untuk digunakan anak-anak tetapi kawasan terhad.

"Oleh itu, kita telah meminta beli van atau bas kecil menggunakan peruntukan pengangkutan awam yang dibentang pada belanjawan sebelum ini.

"Dengan menggunakan peruntukan sebagai menteri besar sendiri, pintu pagar automatik di kawasan perumahan ini juga akan dibina supaya dapat selesai isu parkir," katanya.

Pada April 2021 Amirudin mengadakan lawatan di PPR Kampung Baru Hicom sempena Hari K2K Selangor.

Menerusi lawatan itu, Amirudin memaklumkan Kerajaan Negeri merancang memperluas aplikasi K2K Selangor di beberapa PPR dan flat kos rendah selepas melihat impak program itu.

## Usaha kawal harga barangan

# Elak bergantung orang tengah

**SHAH ALAM** - Kebergantungan terhadap orang tengah perlu dikurangkan dalam usaha memastikan harga barangan dalam pasaran negara ini dapat dikawal, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata harga barang boleh dikawal sekiranya orang tengah mengambil keuntungan yang berpatutan, lapor Bernama.

Mengambil contoh harga barang pada jualan Agro Rahmah beliau berkata harga sayur dan barangan basah yang dijual adalah lebih murah kerana tidak melalui orang tengah.

"Kita tengok kalau sayur hijau le-

bih murah, kerana tidak melalui orang tengah dengan keuntungan berlebihan...jadi harga jauh lebih rendah dari pasar biasa.

"Begitu juga harga barang makanan lain seperti buah, ikan dan udang. Kalau dapat kurangkan peranan orang tengah atau orang tengah ambil keuntungan berpatutan, harga boleh dikawal," katanya.

Terdahulu, beliau melancarkan jualan Agro Rahmah di bazar Ramadan Presint 3, Putrajaya pada 6 April. Turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub dan Ketua Setia-

usaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Anwar berkata kewujudan pasar tani dan program Agro Rahmah antara pendekatan yang dilaksana bagi mengawal harga barang.

"Kalau kita bawa hasil itu dari ladang terus ke pasar, harga itu jauh lebih rendah. Barang-barang import itu kita tidak dapat kawal tetapi hasil dalam negeri boleh dikawal," katanya.

Dalam majlis sama Anwar turut mengumumkan sewa gerai bazar Ramadan di Presint 3 dikurangkan daripada RM1,000 kepada RM850 bagi memberi keuntungan lebih kepada peniaga.

## IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

SERTAI LEBIH 1 JUTA KOMUNITI DIGITAL MEDIA SELANGOR



MediaSelangor



Selangor Journal



Selangor TV



Selangor TV



Media\_Selangor



mediaselangor



t.me/MediaSelangor



@Selangortv



Media Selangor Sdn Bhd

Layari portal berita [selangorkini.my](http://selangorkini.my) hari ini untuk kemaskini berita khusus untuk warga Selangor





**PRIHATIN...** Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Tengku Amir Shah memasang almari untuk penghuni rumah anak yatim dan asnaf Pertubuhan Kebajikan Ar Rahmaniah, Hulu Selangor pada 4 April. Foto Yayasan Raja Muda Selangor

## Sambutan baik di Bandar Puteri Puchong

# Van transit percuma mudahkan rakyat

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**SHAH ALAM** - Perkhidmatan van transit atas permintaan (DRT) percuma di Bandar Puteri Puchong mendapat sambutan menggalakkan sejak projek rintis itu dilaksanakan pada Mac.

EXCO Pengangkutan Awam Ng Sze Han menyarankan penduduk untuk terus memanfaatkan inisiatif baharu Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pengangkutan awam.

"Bandar Puteri dipilih untuk projek percubaan kerana ia bandar yang cukup matang, lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti bank, hospital, kawasan komersial, pasar raya kecil

dan besar, stesen transit aliran ringan (LRT), rumah teres dan rumah pangsa.

"Setakat ini sudah ramai yang muat turun aplikasi untuk kemudahan DRT dan sambutan semakin baik daripada penduduk serta peniaga," katanya pada 5 April.



Perkhidmatan DRT Bandar Puteri Puchong melalui 17 kawasan perumahan dan 20 hentian komersial antaranya stesen LRT Bandar Puteri dan Taman Perindustrian, Hospital Columbia Asia, bank, restoran serta tiga stesen perkhidmatan bas perantara sedia ada dalam zon.

Dilengkapi perisian pintar bagi memudahkan pengguna merancang

perjalanan, perkhidmatan pengangkutan berkenaan bakal diperluas ke DUN lain.

Sebanyak RM25 juta diperuntuk dalam belanjawan tahun ini bagi memperkasa pengangkutan awam bawah program Selangor Mobiliti.

Sebanyak RM22 juta diberi kepada 11 pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk meneruskan pelaksanaan Bas Smart Selangor manakala RM3 juta lagi bagi pelaksanaan Selangor Mobiliti fasa pertama merangkumi perkhidmatan van DRT.

Perkhidmatan berkenaan melengkapkan ekosistem pengangkutan awam negeri dan berfungsi berdasarkan permintaan menerusi aplikasi penghalaan pintar, bukan seperti bas henti-henti.

## Larang warga asing bekerja di gerai

**KLANG** - Warga asing tidak dibenar bekerja di gerai dan pasar di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK) jika mereka terus melanggar polisi ditetapkan.

Yang dipertuannya berkata langkah itu perlu untuk menyelesaikan isu warga asing berniaga secara haram dan mengambil alih perniagaan tempatan secara 'ali baba' di Pasar Besar Meru.

"Dasar majlis sebelum ini yang mem-

benarkan pekerja asing di pasar perlu diubah kalau kita nak nampak perubahan yang besar.

"Saya rasa tak ada lagi pekerja asing dibenarkan di gerai milik majlis dan pasar kalau berterusan pelanggaran hak dibuat. Itu perkara utama yang perlu diubah di MPK," kata Noraini Roslan pada 7 April.

Bagaimanapun, Noraini berkata pihaknya akan berbincang dahulu dengan persatuan peniaga sebelum mem-

buat sebarang perubahan dan memberi tempoh enam bulan untuk mencari penyelesaian.

"Perubahan itu memerlukan masa jadi kita akan beri mereka tempoh enam bulan dan selepas itu kita akan bincang semula dengan persatuan.

"Sebelum ini kita dah bertanya, mereka memang perlukan pekerja dan kebanyakan pekerja tempatan tak mahu bekerja di pasar," ujarnya.

## Galak peniaga sedia Menu Rahmah

**KUALA LANGAT** - Kerajaan Selangor giat menggalakkan peniaga makanan di negeri ini untuk menyertai inisiatif Menu Rahmah.

EXCO Hal Ehwal Pengguna Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata usaha itu membuka peluang kepada mereka yang kurang berkemampuan mendapatkan makanan pada harga berpatutan.

"Peniaga boleh peruntuk satu atau dua menu sesuai untuk dijual pada harga RM5 ke bawah supaya pengguna yang mampu boleh beli makanan mengikut kewangan yang mereka ada," katanya pada 29 Mac.

Kerajaan baru-baru ini memperkenalkan Menu Rahmah yang menawarkan hidangan makanan pada harga RM5 dan ke bawah untuk golongan berpendapatan rendah terutama miskin tegar.

## Tambah baik Pasar Besar Meru

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan menambah baik kemudahan di Kompleks Pasar Besar Meru untuk keselesaan peniaga dan orang ramai.

Yang Dipertuannya Noraini Roslan berkata pihaknya akan mengganti parit yang rosak dan runtuh di dalam kawasan pasar selain menukar lantai konkrit serta memasang jubin.

"Kita akan memasang penutup longkang secepat mungkin untuk keselamatan peniaga dan orang ramai di blok C selain membina tandas awam di situ. Kita juga akan membaiki pulih dan menambah tandas di blok B.

"Sebelum ini, kita telah menambah baik longkang di kawasan luar pasar," katanya selepas meninjau kompleks pasar bersama Ahli Parlimen Klang V Ganabatirau pada 7 April.

Bagaimanapun, Noraini berkata kesemua penambahbaikan itu memerlukan belanja yang besar untuk dilaksanakan.

## Tawar rebat cukai hingga 30 Jun

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menawarkan Skim Rebat Cukai Taksiran 2023 kepada pemilik rumah mesra alam hijau dan berkarbon rendah di Petaling Jaya.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan permohonan sehingga 30 Jun itu memberikan pengecualian maksimum 100 peratus atau RM500, yang mana lebih rendah untuk setiap rumah individu.

"Ia terbuka kepada pemilik rumah yang mengamalkan gaya hidup mesra alam hijau dan mampan berdasarkan kriteria air, biodiversiti, sisa, pengangkutan dan tenaga," katanya pada 6 April.

Mereka yang berminat boleh muat turun borang permohonan di [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) atau hubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ di talian 03-7954 1440.

## 40,000 kunjungi festival jualan raya

**SHAH ALAM** - Festival Usahawan Gem-pak yang melabuhkan tirai semalam merekod hampir 40,000 pengunjung sepanjang tiga hari penganjurannya di Stadium Malawati di sini.

Ketua pegawai eksekutif Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) berkata jumlah itu mencapai sasaran dan menjadi penanda aras untuk program sama tahun depan.

"Hasil maklum balas, peniaga mendapat sambutan menggalakkan. Jadi kita berhasrat untuk perluaskan program ini ke perayaan lain seperti Tahun Baharu Cina," kata Yong Kai Ping.

Beliau berkata sebanyak 20,000 keping Baucar Rahmah turut diagih kepada pengunjung sepanjang program berkenaan.

Festival sempena Aidilfitri yang menghimpunkan kira-kira 150 usahawan tempatan bertujuan memudahkan orang ramai mendapat keperluan raya dengan menawarkan harga murah.

## Tunggu pengumuman rasmi raya

**SHAH ALAM** - Masyarakat Islam di-nasihat untuk kekal tenang dalam keadaan harmoni menunggu pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja pada 29 Ramadan 1444H bersamaan 20 April ini bagi penentuan tarikh permulaan 1 Syawal.

Mufti Selangor Dato' Setia Prof Madya Dr Anhar Opir berkata hitungan ahli falak adalah sesuatu yang bersifat tidak muk-tamad dalam penentuan 1 Syawal,



lapor Bernama.

"Keputusan akhir adalah pengu-muman oleh Penyimpan Mo-hor Besar Raja Raja selaku pihak berkuasa yang di-amanahkan oleh Majlis Ra-ja-Raja pada malam terse-but tertakluk kepada hasil aktiviti cerapan anak bulan di 29 lokasi yang ditetapkan.

"Atas titah perintah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, saya selaku Mufti Selangor ingin menasihatkan umat Islam khususnya di

negeri ini untuk menghormati semua proses yang telah ditetapkan serta menyerahkan tanggungjawab menen-tukan permulaan 1 Syawal 1444H ke-pada pihak berautoriti," katanya pada 7 April.

Beliau berkata permulaan awal bulan Islam bergantung kepada kenampakan hilal (anak bulan) serta data kedudukan bulan pada tarikh cerapan di satu-satu negara dan penentuan awal Syawal di satu-satu negara tidak tertakluk ke-pada hasil kenampakan hilal atau data kedudukan hilal di negara lain.

## Mula baiki rumah dalam 24 jam

# Bantuan RM500 buat mangsa ribut

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**SHAH ALAM** - Bantuan kewangan RM500 dihulur kepada penduduk terjejas ribut di Sepang dan Puchong pada 8 April.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sumbangan tersebut bagi meringankan beban mangsa yang ditimpa musibah dua minggu sebelum umat Islam menyambut Syawal.

"Kita akan salur kepada setiap mangsa. Insya-Allah menjelang Ai-dilfitri," katanya pada 10 April.

Beliau juga menjelaskan pihak berkuasa tempatan (PBT) pada masa ini giat membaiki rumah mangsa se-

jurus selepas kejadian itu tetapi kos sebenar belum dapat ditentukan.

"Anggaran kos keseluruhan di-maklumkan sehari dua lagi dan PBT buat dulu (baiki pulih)," katanya.

Beberapa prasarana awam, masjid, surau, premis perniagaan dan rumah penduduk rosak akibat ribut kira-kira 4.30 petang pada 8 April.

Lebih 20 lokasi sekitar Kampung Pulau Meranti, Taman Putra Perdana dan Apartment Angsana Bukit Puchong 2 terjejas dalam kejadian kira-kira jam 4.30 petang pada 8 April.

Sebanyak RM300,000 diperuntuk Menteri Besar Selangor (Pemerba-danan) atau MBI bagi membaiki se-bahagian daripada 122 kediaman terjejas.

## Bantu rumah kebajikan

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyerahkan sumbangan RM5,000 kepada Pertubu-han Kebajikan Ehsan Ash-Shakur (Pe-keas) pada 7 April.

Ketua Pegawai Korporatnya Idris Ishak berkata inisiatif tersebut merupakan pro-gram tanggungjawab so-sial korporat (CSR) perba-danan itu dalam menyantuni golongan kurang ber-nasib baik selain menampung kos operasi dan keperluan rumah kebajikan tersebut, lapor Bernama.


"Ini merupakan tradisi di PKNS sejak 2014, iaitu kita mengagihkan sumba-ngan kepada pelbagai pihak menerusi inisiatif tanggungjawab sosial korporat dan tahun ini menerusi program Rama-dan Kasih PKNS kita memberi sumba-

ngan secara meluas kepada gelanda-ngan, anak yatim dan asnaf," katanya.

Idris bersyukur semua enam siri program yang dirancang sepanjang Ramadan tahun ini berjalan dengan jayanya menerusi kerjasama badan-badan bukan kerajaan di sekitar Selangor.

"PKNS menggunakan peruntukan wakalah agi-han zakat perniagaan ke-seluruhannya berjumlah RM54,000 untuk kesemua program tersebut," katanya.

Sebelum ini, antara aktiviti anjuran PKNS adalah gotong-royong di rumah Pekeas, Raga Ramadan Kasih PKNS, Bekal Ramadan Kasih PKNS, edaran bubur lambuk dan Shopping Raya Ra-madan Kasih PKNS bersama anak yatim Pekeas.



### LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak	Penjualan Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
1. KERJA-KERJA MENGGANTIKAN KESELURUHAN BUMBUNG SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI BAWAH PROJEK SKIM CERIA DI BLOK BLOK 1 - BLOK 4, FLAT SRI SEMENTA, TAMAN SERI SEMENTA, KAPAR, SELANGOR. No. Tender: LPHS/T/K/23/02 No. Fail: LPHS.UPA.400-5/10/25	Kontraktor Berdaftar di Negeri Selangor Kontraktor Berdaftar dengan CIDB Gred: G3 Kategori: B Pengkhususan: B15 (Kerja Pemasangan Bumbung) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKP) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM150.00	Tarikh: Selasa 02 Mei 2023 Masa: 11.00 Pagi Tempat: Pejabat Pengurusan Flat Sri Sementa, Taman Seri Sementa, Kapar. Kehadiran Taklimat adalah Wajib. (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)	Bermula 03 Mei 2023 sehingga 22 Mei 2023	23 Mei 2023 (Selasa) Jam 12.00 tengah hari
2. KERJA-KERJA MENGGANTIKAN KESELURUHAN BUMBUNG SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI BAWAH PROJEK SKIM CERIA DI BLOK 4 & 5, PANGSAPURI SRI MELEWAR, SEKSYEN U1, SHAH ALAM, SELANGOR. No. Tender: LPHS/T/K/23/01 No. Fail: LPHS.UPA.400-5/10/24	Kontraktor Berdaftar dengan CIDB Gred: G4 Kategori: B Pengkhususan: B15 (Kerja Pemasangan Bumbung) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKP) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor (Dokumen hanya akan dijual kepada syarikat yang hadir Lawatan Tapak)	Tarikh: Selasa 02 Mei 2023 Masa: 2.30 Petang Tempat: Pejabat Pengurusan Pangsapuri Sri Melewar, Seksyen U1, Shah Alam. Kehadiran Taklimat adalah Wajib (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)	Bermula 04 Mei 2023 sehingga 22 Mei 2023	23 Mei 2023 (Selasa) Jam 12.00 tengah hari
3. KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA DUA (2) BLOK BANGUNAN SEPULUH (10) TINGKAT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PROJEK SKIM CERIA DI PANGSAPURI KOS RENDAH FASA 1, TAMAN TUN TEJA, BLOK CEMPAKA DAN DAHLIA, RAWANG, SELANGOR. No. Tender: LPHS/T/K/23/03 No. Fail: LPHS.UPA.400-5/10/26	Kontraktor Berdaftar di Negeri Selangor Kontraktor Berdaftar dengan CIDB Gred: G3 Kategori: B Pengkhususan: B14 (Kerja-Kerja Cat) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKP) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor		Tarikh: Rabu 03 Mei 2023 Masa: 11.00 Pagi Tempat: Pejabat Pengurusan Blok Cempaka & Dahlia, Pangsapuri Kos Rendah Fasa 1, Taman Tun Teja, Rawang. Kehadiran Taklimat adalah Wajib (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)	Bermula 04 Mei 2023 sehingga 22 Mei 2023	

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada 14 April 2023 (Jumaat) pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi 016-330 1330 (Unit Perolehan Dan Asegi).

Dokumen Tender hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh penama yang dinamakan di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKP)/Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah membawa dokumen asal Kad Pengambilan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen Tender. SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT.

Dokumen Tender hendaklah diserahkan secara Hardcopy yang telah lengkap diisi dimasukkan ke dalam sampul surat bertulis yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti waktu dan tarikh yang ditetapkan diatas kepada:

PENGARAH EKSEKUTIF  
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor  
Tingkat 5, Podium Utara,  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
No Tel: 03-5544 7537, No Faks: 03-5513 5568

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Tender.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah bertakluk kepada pindaan tarikh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak Kerajaan Malaysia.

Kenyataan Tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> atau Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.



Mohd Khairuddin bersama penerima insentif kemenangan SUKMA ke-20 berjumlah RM611,600 di Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam pada 7 April. Foto FIKRI YUSOF

## Kekal kedudukan kedua Liga Super

# Cheng Hoe puji penyerang import

Oleh AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Ketua jurulatih Selangor FC memuji kesungguhan penyerang import Rauf Salifu yang menjaringkan dua gol ketika membantu pasukan menewaskan Kelantan FC 3-0 pada 9 April.

Tan Cheng Hoe berkata jaringan berkenaan hasil usaha keras pemain dari Ghana itu ketika sesi latihan sekali gus membalas ke-



percayaan pasukan terhadapnya, lapor Berita Harian.

"Satu kejutan dan kita bukan sahaja memberi peluang kepada Rauf pada perlawanan kali ini. Kita tahu dia berusaha keras pada sesi latihan dan sentiasa membuat latihan tambahan.

"Inilah (dua gol) hasil latihan terbabit dan saya harap Rauf akan lebih yakin dalam perlawanan akan datang. Sangat penting untuk pemain gantian memberi dampak kepada pasu-

kan," katanya.

Terdahulu, Red Giants mendahului pada minit ke-28 menerusi gol Ayrondel Valle sebelum Rauf yang masuk sebagai pemain gantian menambah dua jaringan pada minit ke-80 dan 90.

Kejayaan menewaskan The Red Warriors di Stadium MBPJ, Petaling Jaya menyaksikan Selangor FC kekal menduduki tempat kedua Liga Super.

Selepas lapan perlawanan, Red Giants mengumpul 19 mata, lima mata di belakang pendahulu Johor Darul Ta'zim dan tiga mata mengatasi Kedah Darul Aman FC.

## Atlet dapat 'duit raya' RM24,000

**SHAH ALAM** - Atlet menembak Haritz Ikilil Hessly Hafiz menerima insentif tertinggi bagi kategori individu hasil kecemerlangannya dalam Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 pada tahun lalu.

Meraih empat emas dan memecah tiga rekod kebangsaan, beliau tidak menyangka menerima penghargaan dan 'duit raya' berjumlah RM24,000 daripada Kerajaan



Negeri.

"Saya anggap ini (insentif) seperti duit raya untuk saya dan keluarga kerana kebetulan Aidilfitri semakin hampir. Saya akan belikan hadiah kepada ibu bapa, selebihnya disimpan," katanya pada 7 April.

Jurulatih renang Marilyn Chua pula menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas pemberian insen-



tif yang menyuntik semangatnya untuk terus mengharumkan nama Selangor.

"Sekarang ini kami mula berlatih untuk SUKMA tahun hadapan dan ganjaran ini kami gunakan untuk terus tingkatkan prestasi anak buah saya," katanya.

Pasukan renang menjadi penerima insentif berkumpulan tertinggi berjumlah RM126,900 menerusi kutipan sembilan emas, 10 perak dan lapan gangsa.

## Sasar tiga tempat teratas SUKMA

**SHAH ALAM** - Kontinjen Selangor memulakan latihan dan persiapan awal bagi menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 di Sarawak tahun depan.

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman berkata Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor akan melipat gandakan usaha bagi mencapai sasaran kedudukan tiga teratas.

"Setakat ini kita sudah memulakan latihan sebaik SUKMA ke-20 tamat tahun lalu. Antara yang kita sedang lakukan adalah memperkasa unit Sains Sukan di MSN.

"Unit itu akan diletakkan bawah tanggungjawab penolong pengarah MSN yang khusus untuk memantau dan menjaga prestasi atlet," katanya pada 7 April.

Mohd Khairuddin menjelaskan unit tersebut akan menilai prestasi atlet bagi melaksana pelbagai penambahbaikan untuk menghadapi temasya tersebut.

## Kompleks sukan pacu potensi atlet

**SHAH ALAM** - Pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) dijangka memacu potensi atlet menerusi penyediaan kemudahan berkelas dunia, kata EXCO sukan.

Mohd Khairuddin Othman berkata kompleks itu bukan hanya mengganti Stadium Shah Alam tetapi menyediakan suasana sukan kepada semua atlet.

"Saya yakin pembinaan KSSA akan beri kesan yang baik kerana antara kemudahan yang disediakan adalah memberi ruang kepada atlet kita untuk berlatih di situ.

"Yang paling penting sekali, Selangor dapat bina suasana sukan yang betul kerana kawasan tersebut sesuai untuk kita bangunkan sebagai pusat sukan negeri," katanya pada 7 April.

## Regu negara juarai Orleans Masters

**SHAH ALAM** - Pasangan Chen Tang Jie-Toh Ee Wei muncul pemain Malaysia pertama menjuarai Kejohanan Badminton Orleans Masters di Orleans, Perancis pada 9 April.

Regu pilihan ketujuh kejohanan itu menewaskan pasangan Taiwan Ye Hong Wei-Lee Chia Hsin 21-19, 21-17 dalam tempoh 35 minit, lapor Bernama.

Ini merupakan kejuaraan kedua Tang Jie-Ee Wei yang baru digandingkan pada November tahun lalu dan kemenangan pertama berdepan beregu dari Taiwan tersebut.

Pencapaian terbaik beregu ke-26 dunia itu adalah menjuarai Cabaran Antarabangsa Bangladesh 2022 menewaskan gandingan Thailand Phatharathorn Nipornram-Alisa Sapniti 21-15,21-13.



**RODZIAH ISMAIL**  
Batu Tiga

menyerahkan baucar  
beli-belah kepada keluarga  
memerlukan di Shah Alam

**BORHAN AMAN SHAH**  
Tanjung Sepat

memasak bersama penduduk  
sempena program Kita Rewang  
Sekampung di Kuala Langat



**MOHD SANY HAMZAN**  
Taman Templer

mengedar bubur lambuk  
di Kampung Selayang  
Pandang, Gombak

**LAU WENG SAN**  
Banting

bergotong-royong  
membersihkan kawasan  
Taman Seri Jarom, Kuala Langat



**DATUK ROSNI SOHAR**  
Hulu Bernam

menyedia bubur lambuk  
untuk diagih kepada  
penduduk di DUN beliau

**AZMIZAM ZAMAN HURI**  
Pelabuhan Klang

mengagih bubur lambuk  
di Surau Al-Kautsar Taman  
Teluk Gedung Indah, Klang



**MUSTAIN OTHMAN**  
Sabak

menyerahkan Bakul Rahmah  
kepada penduduk di  
kawasan DUN beliau

**LIM YI WEI**  
Kampung Tunku

menyumbang kuma  
kepada anggota  
pompa di Petaling Jaya



## Bank makanan bantu B40, warga emas

**SHAH ALAM** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Utama memperuntukkan RM1,000 setiap bulan bagi membantu 20 keluarga berpendapatan rendah (B40) menerusi program bank makanan.

Wakil rakyat Jamaliah Jama-



luddin berkata pihaknya terus memberi bantuan makanan percuma kepada golongan sasar menerusi program berkenaan meskipun selepas pandemik Covid-19.

"Kita wujudkan bank makanan kerana menyedari ada mereka yang hilang pekerjaan atau

warga emas uzur tidak dapat bantuan Kerajaan Negeri.

"Ada kalanya ada pemohon tidak layak kerana tidak memenuhi syarat ditetapkan.

"Disebabkan itu, kita wujudkan bank makanan untuk beri bantuan makanan bulanan dengan peruntukan RM50 bagi setiap keluarga," katanya pada 5 April.

### Suri rumah dipelawa mohon

# Skim perlindungan serendah RM60

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Ramal mempelawa suri rumah di kawasan itu untuk memohon pembiayaan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah.

Wakil rakyatnya Mazwan Johar berkata golongan berkenaan hanya perlu membayar RM60 manakala bakinya (RM60) akan dibiayai oleh Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Sungai Ramal.

"Caruman sebanyak RM120 setahun ini bagi membolehkan suri rumah mendapat perlindungan kerana mereka juga terdedah kepada kemalangan sama ada di dalam atau luar rumah.

"Justeru, amatlah wajar suri rumah ini turut mendapat perlindungan seperti golongan yang bekerja," katanya pada 5 April.

Suri rumah yang berminat boleh mendaftar di pejabat PKM DUN Sungai



Ramal dengan membawa salinan kad pengenalan dan wang tunai RM60. Pertanyaan lanjut boleh hubungi 03-8928 9738.

Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah diperkenalkan kerajaan persekutuan pada Disember tahun lalu bagi memberi perlindungan kepada suri rumah menerusi faedah hilang upaya kekal, perubatan dan pemulihan, elaun keuzuran, bantuan dialisis, penjen penakat dan pengurusan mayat.

## RM95,500 naik taraf kemudahan sukan

**SUBANG JAYA** - Taman papan selaju di Laman Sukan USJ 1 di sini sedia digunakan orang ramai selepas selesai dinaik taraf bulan lalu dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze berkata taman berusia lebih 20 tahun itu mengambil masa hampir lima bulan untuk ditambah baik dengan kos RM95,500.



Beliau menjelaskan kawasan riadah tersebut bukan hanya dikunjungi penduduk setempat, malah menjadi tumpuan peminat sukan papan selaju dari Petaling Jaya, Ampang dan Puchong.

"Pada November 2021, MSN meminta setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk kemukakan cadangan menaik taraf atau membina baharu infrastruktur sukan.

"Justeru, mengambil kira taman pa-

pan selaju ini sudah usang, saya ambil inisiatif untuk memohon kepada MSN dan Majlis Bandaraya Subang Jaya," katanya pada 6 April.

Michelle memaklumkan penduduk pernah mengambil inisiatif sendiri dengan mengumpul dana untuk menyelenggara taman tersebut yang menjadi tumpuan ramai.

"Saya berharap taman ini dapat dimanfaatkan peminat sukan ekstrem tersebut, sekali gus menghindarkan belia daripada melakukan gejala negatif," katanya.

## RM224,000 untuk rumah ibadat Islam

**SHAH ALAM** - Sebanyak 59 masjid dan surau di Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Serdang menerima sumbangan Ramadan berjumlah RM224,000.

Wakil rakyatnya Dr Siti Mariah Mahmud berkata serahan cek sumbangan itu bagi membantu aktiviti masjid dan surau sepanjang Ramadan tahun ini.

"Semoga dengan sumbangan ini bertambah lancar dan dipermudah urusan pengerusi surau, nazir masjid dan seluruh jawatankuasa menyambut Ramadan yang mulia ini," katanya pada 4 April.

Sebelum ini, pegawai khas (Kebajikan) kepada wakil rakyat Islam Ismail memaklumkan sumbangan itu antara tradisi tahunan DUN Seri Serdang untuk menjayakan program Ihya' Ramadan.

## Sedia RM16,000 untuk tujuh surau

**SHAH ALAM** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia mengagih RM16,000 kepada tujuh surau bagi program pengimarahannya sepanjang Ramadan.

Penyelarasnya berkata surau terbabit tidak mendapat bantuan daripada Majlis Agama Islam Selangor kerana masih dalam proses pendaftaran.

"Jadi kita bantu juga melalui peruntukan pejabat penyelaras terutama kepada surau-suru kecil di kampung untuk sama-sama menyemarakkan lagi sambutan Ramadan tahun ini," kata A Rahim Kasdi pada 2 April.

Terdahulu, beliau menyampaikan cek cura bernilai RM2,000 kepada wakil Surau Haji Salim, Surau Ar-Rasa dan Madrasah Al-Zahrah manakala empat surau lagi sudah menerima sumbangan masing-masing.


## Agih 4,000 bakul ke 56 DUN

**SHAH ALAM** - Sebanyak 4,000 bakul makanan mengandungi produk usahawan industri kecil sederhana (IKS) diagih ke semua 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) pada awal Ramadan.

EXCO kampung tradisi berkata inisiatif itu bagi meringankan beban golongan kurang mampu menyediakan kelengkapan berpuasa selain mempromosi produk IKS.

"Bantuan ini diadakan tiap tahun dan selalunya kita serah kepada ketua kampung. Kali ini kita beri kebebasan kepada wakil rakyat untuk pilih penerima yang layak.

"Sebab itu agihan bermula awal puasa. Setakat ini kita dimaklumkan pengusaha IKS sudah mendapat tempahan dari kalangan penerima bakul makanan," kata Borhan Aman Shah pada 7 April.



### AHLI DEWAN NEGERI BUKIT MELAWATI **JUWAIRIYA ZULKIFLI**

- **Umur:** 38 tahun
- **Falsafah hidup** Percaya diri dan cabar diri sendiri
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Pegawai Dasar EXCO Hal Ehwal Wanita dan Keluarga

- **Alamat pejabat ADN:** No. 2-1, Jalan Bendahara 1/2a, Taman Bendahara, 45000 Kuala Selangor
- **Nombor telefon ADN:** 03-3281 4233
- **Facebook:** facebook.com/Juwairiya.Zulkifli
- **E-mel:** juwairiya@selangor.gov.my





## Rumah Terbuka Aidilfitri 28 April

**SHAH ALAM** - Program Jelajah Kita Selangor Aidilfitri akan diadakan pada minggu pertama sambutan hari raya mulai 28 April.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dijadual berangkat ke majlis itu di Padang Taman Sri Kerayong, Klang pada 30 April.

Majlis yang merangkumi Rumah Terbuka Aidilfitri dan Rewang Sekampung itu juga bakal dihadiri Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan pimpinan negeri.

Program berkenaan bermula di tapak pasar pagi Pekan Salak, Sepang pada 28 April diikuti Padang Taman Awam Hulu Bernam di Hulu Selangor pada keesokannya.

## 19 April diumumkan cuti sekolah

**SHAH ALAM** - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi cuti tambahan kepada semua sekolah di seluruh negara pada 19 April sempena sambutan Aidilfitri.

Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berkata keputusan itu bagi memudahkan guru dan ibu bapa terutama yang bertugas di negeri lain merentas negeri untuk pulang ke kampung halaman.

"Kita ambil kira semua pandangan dan untuk kesejahteraan guru-guru warga KPM urus perjalanan pulang ke kampung," katanya pada 11 April.

Berdasarkan kalendar akademik sesi 2023/2024, cuti persekolahan sempena hari raya bagi negeri kumpulan A dan B bermula pada 20 April.

## Lihat anak bulan Syawal 20 April

**SHAH ALAM** - Tarikh melihat anak bulan Syawal ditetapkan pada 20 April bersamaan 29 Ramadan 1444 Hijrah di 29 lokasi terpilih di seluruh negara.

Perkara itu dimaklumkan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja bagi menyempurnakan titah perintah Yang di-Pertuan Agong setelah diperkenankan oleh Raja-raja Melayu, lapor Bernama.

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja memaklumkan Majlis Raja-raja memper-setujui bahawa cara menetapkan tarikh Hari Raya Puasa berdasarkan rukyah dan hisab.

Penyimpan Mohor Besar Raja-raja akan mengisytiharkan tarikh hari raya puasa melalui radio dan televisyen pada malam berkenaan.



**IKTIRAF...** Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil (dua, kanan) menyampaikan Anugerah Usahawan Gempak kepada penyanyi terkenal Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin (tengah) sempena festival usahawan di Stadium Malawati, Shah Alam pada 9 April. Foto REMY ARIFIN ▶ BERITA MUKA 20

## Pasukan renang penerima tertinggi

# RM611,600 hargai kontinjen SUKMA

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM** - Seramai 687 atlet, pegawai dan jurulatih kontinjen Selangor menerima insentif RM611,600 atas pencapaian temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 pada tahun lalu.

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman berkata pemberian itu bagi menghargai kontinjen negeri yang meraih tempat keempat menerusi kutipan 32 pingat emas, 54 perak dan 45 gangsa.

"Kerajaan Negeri prihatin dengan segala usaha dan sumbangan yang di-

beri atlet, pegawai serta semua yang terlibat dalam kejohanan SUKMA 2022.

"Pencapaian membe-ransangkan atlet adalah hasil usaha Kerajaan Negeri menerusi Majlis Sukan Negeri (MSN) yang menggalakan pembangunan sukan secara menyeluruh," katanya.

Terdahulu, beliau menyerahkan Insentif Kemenangan Kontinjen Selangor SUKMA ke-20 di Dewan Raja Muda Musa di sini pada 7 April.

Mohd Khairuddin menambah pasukan renang yang meraih sembilan pin-

gat emas, 10 perak dan lapan gangsa menjadi penerima insentif berpasukan tertinggi dengan jumlah RM126,900.

Katanya, atlet menembak Haritz Ikil Hessly Hafiz, 23, yang meraih empat pingat emas dengan tiga rekod kebangsaan pula menjadi penerima insentif individu tertinggi iaitu RM24,000.

"Insentif bagi pingat emas adalah RM3,500 bagi atlet individu, RM2,500 seorang untuk pasukan yang kurang daripada lima ahli, dan RM1,500 seorang bagi pasukan melebihi lima anggota.

"Pemecah rekod kebangsaan menerima RM4,000 dan RM2,000 kepada pemecah rekod SUKMA," katanya.

## Michelle Yeoh di Pavilion 18 April

**SHAH ALAM** - Bintang Hollywood kelahiran Malaysia Tan Sri Michelle Yeoh akan menemui peminat di negara ini dalam acara khas pada 18 April.

Pelakon pertama dari Asia menang Anugerah Akademi ke-95 (Oscars 2023) ke acara 'Pride of Malaysia Michelle Yeoh Homecoming Public Fan Meet' di Pavi-

lion Kuala Lumpur, jam 4 petang, lapor The Star.

Michelle, 60, turut dinobatkan sebagai pelakon wanita terbaik bagi anugerah Golden Globe dan Screen Actors Guild pada awal tahun ini.

Dianugerah filem terbaik, Everything Everywhere All at Once lakonan Michelle

mengungguli kategori pengarah terbaik, pelakon pembantu wanita dan lelaki terbaik, lakon layar asal terbaik dan suntingan terbaik.

Michelle menewaskan pencabar lain iaitu Cate Blanchet (Tár), Ana de Armas (Blonde), Andrea Riseborough (To Leslie) dan Michelle Williams (The Fabelmans).